

ثقیقن تیتہ

PETIKAN TITAH

"PENDIDIKAN generasi muda di rumah dan di sekolah juga jangan diabaikan. Kerana pendidikan itu, terutama pendidikan agama, adalah tonggak untuk memperolehi kekuatan." - Titah Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 pada 4 Jamadilawal 1436 Hijrah / 22 Februari 2015 Masihi.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانیسٹا ایمان

MANISNYA IMAN

"KATAKANLAH lagi (kepada-Nya) adalah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna." - (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Az-Zumar, ayat 9).

TAHUN 60 / BILANGAN 127

24 OKTOBER 2015 / 1437 11 محرم

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

Pemimpin wajib jalankan keadilan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bertitah mengenai Rombakan Keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Pelantikan-Pelantikan Baru, di Istana Nurul Iman. (Lihat muka 3 dan 24)

Sentiasa amalkan prinsip *servanthood* dalam kepimpinan

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Masri Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Oktober. - Pegawai-pegawai Kadet yang baru ditauliahkan sebagai Pegawai Tentera diingatkan untuk sentiasa mengamalkan prinsip *servanthood* dalam kepimpinan masing-masing nanti.

Tanggungjawab seorang pemimpin itu hendaklah memastikan setiap yang dipimpnnya mendapat dorongan dan sokongan yang mereka perlukan pada setiap masa, lebih-lebih lagi semasa melaksanakan serta menyelesaikan tugas dan tanggungjawab yang diberikan kepada mereka.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bersabda demikian pada Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-13 Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan, ABDB, di Perkhemahan Sungai Akar.

Sabda Duli Yang Teramat Mulia lagi, sikap keprihatinan dan pemedulian sedemikian bukan sahaja mampu membina

keyakinan serta mendorong kompetensi mereka, malah ia boleh mengelakkan wujudnya *positional mindset* pada diri pemimpin itu sendiri, yakni yang lebih mementingkan kedudukan dan pangkat semata-mata.

Di samping itu, tambah sabda DYTM, setiap Pegawai Kadet haruslah waspada terhadap pengaruh-pengaruh luar yang bertentangan dengan nilai-nilai luhur agama, keperibadian, dan budaya bermasyarakat.

"Janganlah ada di antara Pegawai-pegawai Tentera terjebak dengan gejala-gejala yang tidak sihat," tegas sabda DYTM.

Ke muka 15

Laporan Khas : Norliah Md. Zain

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengingatkan bahawa sesiapa jua yang dilantik atau terpilih menjadi pemimpin, adalah berkewajipan untuk menjalankan keadilan.

Tempat tumpahnya keadilan tegas titah baginda ialah ke atas rakyat bukan kepada diri sendiri, adapun untuk kepentingan diri sendiri itu bukanlah keadilan tetapi kezaliman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian ketika mengumumkan mengenai Rombakan Keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet Negara Brunei Darussalam dan Pelantikan-Pelantikan Baru di Istana Nurul Iman.

Baginda bertitah, sebab itulah kadang-kadang, bersedia mendengar suara orang di bawah, atau menerima idea-idea yang baik, atau keluhan atau rintihan mereka dapat dianggap sebagai ciri melaksanakan keadilan.

Dalam pada itu, titah baginda, mesti pula diingat, bahawa tafsiran keadilan itu bukanlah mengikutkan kata hati, tetapi mesti berpandukan lunas-lunas yang betul daripada agama, undang-undang dan etika.

Selain itu, titah baginda, perlu difahami bahawa kabinet adalah ibarat sebuah perahu dan para Menteri pula adalah pekayuh-pekayuhnya dan sebagai pekayuh, mereka adalah satu pasukan dan berperanan untuk pasukan, bukan untuk diri masing-masing.

Kerana itu, titah baginda, walaupun berlainan kementerian, namun mereka tetap di dalam satu pasukan yang mempunyai satu matlamat yang sama iaitu untuk memakmurkan negara.

"Sebagai sifat satu pasukan, mereka diperlukan agar turut menyumbang atau sekurang-kurangnya menyokong apa-apa jua gagasan atau rancangan yang baik bagi sesebuah kementerian itu semata-mata bagi kebaikan negara," titah baginda.

Baginda dalam titah juga berharap, barisan pemimpin akan datang, tidak akan mengabaikan etika berpasukan serta juga dikehendaki supaya bijak membuat perhitungan atau tafsiran mengenai sesuatu perkara yang ada kaitan dengan negara dan kerajaan.

Rombakan Kabinet

Laporan Khas : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengumumkan mengenai Rombakan Keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet Negara Brunei Darussalam dan Pelantikan-Pelantikan Baru.

Semasa bertitah ke seluruh negara menerusi Radio dan Televisyen Brunei kira-kira 2.20 petang, baginda bertitah menekankan bahawa pelantikan itu adalah bagi tempoh lima tahun iaitu 2015-2020 bermula pada 22 Oktober 2015.

Rombakan terakhir barisan Menteri-Menteri Kabinet dan Timbalan-Timbalan diumumkan lima tahun yang lalu pada 29 Mei 2010. Rombakan kabinet baru-baru ini merupakan kali kelima sejak Negara Brunei Darussalam mencapai kedaulatan dan kemerdekaan pada 1 Januari 1984 iaitu lebih 31 tahun yang lalu.

Pembentukan pertama barisan Menteri-Menteri Kabinet diumumkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada 1 Januari 1984. Rombakan pertama berlaku pada Oktober 1986; kedua pada 30 November 1988; ketiga pada 24 Mei 2005 dan keempat pada 29 Mei 2010.

NFABD berdaya maju, berkebolehan mengangkat sukan bola sepak

Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh Bismillahir Rahmanir
Rahim

SAYA mengucapkan berbilang terima kasih dan setinggi penghargaan kepada semua delegasi, yang masih menaruh kepercayaan dan memilih saya sebagai Presiden NFABD bagi tempoh empat tahun lagi, 2015-2019. InsyaaAllah dengan kerjasama dan sokongan semua EXCO yang baru, Ahli-ahli gabungan NFABD serta pihak-pihak yang berkepentingan terutama sekali Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, FIFA, AFC dan AFF, saya akan berusaha sedaya upaya untuk mengangkat sukan bola sepak negara ini ke tahap yang lebih baik.

Tahniah juga saya ucapkan kepada Ahli-ahli EXCO yang baru dan berharap pemilihan tersebut akan menjadi asas dan pendorong ke arah tempoh empat tahun yang produktif dan berdaya maju.

Kepada Yang Dimuliakan Pehin Dato Mohammad Yusof Abu Bakar, yang akan menamatkan perkhidmatannya sebagai Timbalan Presiden NFABD, bagi pihak NFABD, kaola sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas perkhidmatan dan apa jua sumbangan kepada NFABD selama memegang jawatan Timbalan Presiden sejak bulan Mac 2013. Ianya sudah tentu, satu kehilangan yang amat besar kepada NFABD, dan berharap Timbalan Presiden yang baru nanti, yang akan dipilih melalui Kongres Luarbiasa pada awal tahun hadapan 2016, akan mempunyai kualiti dan komitmen yang sama. Sementara menunggu Timbalan Presiden yang baru, saya akan melantik salah seorang EXCO yang ada untuk memangku sementara jawatan tersebut. Lantikan ini akan dibuat dalam waktu terdekat.

Kepada bekas Ahli EXCO, saya juga tidak lupa mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih di atas perkhidmatan dan jasa yang telah diberikan.

Seperti yang kita sedia maklum, dalam usia NFABD yang masih muda, NFABD telah berjaya menjalin hubungan yang sangat baik dengan FIFA, AFC dan AFF. Hubungan yang sangat baik inilah yang banyak membantu NFABD ke tahap yang ada sekarang. Selain dari menerima Program Bantuan Kewangan dari FIFA dan AFC, dan Bantuan Pentadbiran dari AFF, NFABD juga banyak menerima bantuan-bantuan teknikal, tenaga mahir dan peralatan dari program-program pembangunan bola sepak FIFA dan AFC.

Dengan adanya hubungan yang baik ini, pihak FIFA dan AFC sentiasa membantu dan menaruh keyakinan bahawa NFABD sememangnya berdaya maju dan berkebolehan untuk mengangkat sukan bola sepak di negara ini. Sehubungan dengan ini, pihak AFC telah memberi kepercayaan kepada NFABD, untuk menjadi tuan rumah kepada AFC U14 Festival 2015 dan 2016.

Pihak AFC berpendapat, AFC U14 Festival



SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) pada Kongres Biasa NFABD pada hari Sabtu, 4 Muharam 1437 Hijrah bersamaan 17 Oktober 2015 Masihi di NFABD House.

2015 yang telah kita adakan pada bulan Ogos yang lalu, di antara yang terbaik, yang pernah diadakan. InsyaaAllah dengan pengalaman ini, saya berharap AFC U14 Festival 2016 akan dapat diadakan dengan lebih cemerlang.

Bercakap mengenai bantuan FIFA, insyaaAllah Majlis Serah Terima Padang Astro Turf NFABD, di bawah FIFA Goal Project 2, akan diadakan di NFABD House, selepas kongres ini. Goal Project 2 ini, pada keseluruhannya telah menelan belanja berjumlah USD874,483, iaitu USD500,000 datangnya dari FIFA dan selebihnya USD374,483 dari sumber kewangan NFABD.

Padang ini, insyaaAllah akan dapat dimanfaatkan oleh pasukan-pasukan kebangsaan kita di pelbagai peringkat umur, dalam usaha kita memantapkan persediaan mereka, di peringkat serantau dan antarabangsa. Selain dari itu, penggunaannya juga akan dibukakan kepada awam dan kelab-kelab bola sepak secara sewajarnya, dengan bayaran yang berpatutan. Perkara ini diharapkan, akan dapat menjana pendapatan NFABD yang mana kutipan dari sumber ini akan digunakan sewajarnya bagi kepentingan pembangunan bola sepak.

Baru-baru ini, kita juga telah menerima pengesahan dari pihak FIFA mengenai kesiediaan FIFA untuk membiayai pembinaan sebuah padang bola sepak (rumpun asli) di bawah FIFA Challenger Program bernilai USD600,000. InsyaaAllah proses pembinaan padang yang berhampiran dengan

Padang Astro Turf, kawasan belakang NFABD House, akan diusahakan secepat mungkin.

Mengenai dengan FIFA Goal Project 3, iaitu Grandstand bagi Padang Astro Turf, telah pun dihadapkan dan masih dalam pertimbangan pihak FIFA. Saya penuh yakin, bahawa pihak FIFA akan memberikan jawapan yang positif, iaitu sejurus sahaja FIFA EXCO Meeting, mengenai perkara ini yang dijadualkan pada bulan Mac 2016.

Sedikit masa lagi, kita juga bercadang, untuk menghadapkan permohonan kepada AFC, untuk mendapatkan bantuan, bagi membina padang bola sepak kecil, di bawah program AFC President's Initiative.

Pendeknya, dari segi prasarana bola sepak, yang terkandung dalam Pelan Induk NFABD, termasuk Gelanggang Futsal yang bertaraf antarabangsa, insyaaAllah, akan dapat dibina sepenuhnya dalam beberapa tahun lagi, iaitu sebelum 2019, kecuali Bangunan Asrama, yang mempunyai kos yang sangat tinggi. Walau bagaimanapun, kita akan terus berusaha dan mencari jalan, bagaimana untuk merealisasikan semuanya. Semua ini, akan menjadi sebahagian dari Tanda Aras Pencapaian (KPI), kepada EXCO yang baru.

Selain dari itu, dengan bantuan kewangan dari FIFA dan AFC, NFABD juga dapat membukakan peluang pekerjaan kepada yang berkecenderungan untuk mengisikan jawatan-jawatan yang berkenaan dalam NFABD. Pelaburan dalam modal insan ini, sangat penting demi memastikan kesinambungan dan kelangsungan masa depan NFABD sebagai badan induk sukan bola sepak.

Bercakap mengenai masa depan NFABD, teruja juga saya menyentuh, mengenai peranan EXCO. Mengetahui dan memahami peranan masing-masing sama ada sebagai EXCO sahaja atau EXCO yang mempunyai jawatan dalam Jawatankuasa Tetap NFABD (Standing Committee), adalah sangat penting. Tanpa mengetahui dan memahaminya sudah tentu kita tidak akan dapat membawa NFABD ke tahap yang lebih cemerlang, sekali gus akan membiarkan bola sepak negara ini jauh tertinggal di belakang dari negara-negara jiran kita.

Sebagai usaha kita ke arah ini pihak FIFA telah bersetuju untuk mengadakan satu bengkel (*workshop*) pada Januari 2016 khusus untuk Ahli-ahli EXCO NFABD yang baru. Bengkel ini dihasratkan untuk memberikan nilai tambah kepada apa yang abiskita telah ketahui dan fahami. Peluang ini hendaklah abiskita manfaatkan, sebaik mungkin bukan saja untuk kepentingan abiskita, secara individu dan sebagai EXCO NFABD, tetapi juga untuk kemajuan bola sepak di negara ini.

Menyentuh mengenai kemajuan bola sepak, dari segi pengamatan saya, belum lagi mencapai apa yang kita harapkan, sama ada *senior team*, bawah umur 23, 21, 19 tahun dan sebagainya. Begitu juga dengan futsal, belum lagi mencapai tahap yang membanggakan.

Ke muka 9

Dari Sidang
Pengarang.

24 OKTOBER 2015 BERSAMAAN 1437 محرم 11

SYUKURI, KEADILAN, SEMANGAT, ETIKA BERPASUKAN TUJU KEMAKMURAN NEGARA

KEAMANAN, perpaduan dan kemakmuran adalah impian semua. Kekal atau sebaliknya keamanan, perpaduan dan kemakmuran berkenaan adalah tertakluk kepada diri sendiri. Nikmat keamanan, perpaduan dan kemakmuran yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala perlulah disyukuri.

Jangan biar segala nikmat dan keberkatan yang telah dikurniakan kepada kita terlepas begitu sahaja tanpa disyukuri kerana pastinya semua tidak akan kekal lama tanpa disyukuri. Syukuri melalui lisan, iaitu doa, selain melalui urustadhir dalam kehidupan.

Melalui urustadhir dalam kehidupan pastinya perlukan kerajaan dan dalam kerajaan berkenaan pula, terdapat jentera kerajaan yang meliputi para pemimpin, pegawai-pegawai serta kakitangan di bawah mereka.

Antara ciri syukur adalah dengan melaksanakan keadilan kerana keadilan adalah segala-segalanya. Tanpa keadilan, maka semua kebajikan akan jauh daripada kita. Oleh itu, pemimpin berkewajipan menjalankan keadilan. Keadilan ke atas rakyat semata-mata dan bukan bagi diri mereka sendiri. Jika kepentingan adalah untuk diri sendiri, maka ia adalah dianggap sebagai kezaliman dan ia bukan dianggap sebagai keadilan.

Apakah antara ciri-ciri melaksanakan keadilan? Antara ciri melaksanakan keadilan adalah bersedia mendengar suara orang di bawah dan menerima idea-idea yang baik, keluhan atau rintihan mereka. Manakala keadilan pula adalah bukan mengikut kata hati semata-mata, iaitu pastinya berpandukan lunas-lunas yang betul dari agama, undang-undang dan etika.

Para menteri dianggap sebagai satu pasukan yang mana mereka berperanan sebagai sebuah pasukan dan bukan untuk diri masing-masing atau secara bersendirian. Maka, walau mereka dari kementerian yang berlainan, namun mereka tetap dikira sebagai satu atau sebuah pasukan yang mempunyai satu matlamat sama, iaitu untuk memakmurkan negara kita.

Mereka pastinya diperlukan untuk menyumbang atau menyokong apa-apa jua gagasan mahupun rancangan yang baik bagi sesebuah kementerian itu semata-mata untuk kebaikan negara. Maka sokongan di antara satu dengan lain adalah penting walaupun berasal dari kementerian yang berbeza.

Ini adalah untuk mencapai satu matlamat yang satu dan sama, iaitu untuk memakmurkan negara dan semata-mata untuk kebaikan negara kita, iaitu Negara Brunei Darussalam.

Etika berpasukan diharap tidak akan diabaikan, buat perhitungannya serta tafsiran bijak mengenai sesuatu perkara yang berkaitan dengan negara dan kerajaan. Syukuri dengan lisan dan urus tadbir dalam kehidupan, laksana kewajipan dengan keadilan, iaitu penuh tanggungjawab jujur, ikhlas dan taat setia, dari segi agama, undang-undang dan etika hindari jauhnya kebajikan. Semangat berpasukan di antara satu dengan yang lain tuju kemakmuran negara walau dari kementerian berbeza demi kebaikan bersama. - **Ketua Penyuntingan (Nb).**

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratiini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Haji Mahmmud Hafidzie Haji Ali Mashod,
Dk. Nur Effa Ryina Pg. Haji Hamdani

Ketua Bahagian Pelita Brunei

Mohammad Rainie Haji Durani

Ketua Penyuntingan

Musa Mohidin,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Mohammad Rainie Haji Durani,
Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Nornasyirah Nordin,
Sylvina Hon Zae Leena

Penyuntingan

Samle Haji Jait,
Nor Hanizah Haji Abd. Halim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar,
Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafar,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar

Ramalan Cuaca Tiga Hari		
SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN		
33 °C 25 °C	32 °C 25 °C	33 °C 25 °C
MUARA		
33 °C 26 °C	32 °C 25 °C	33 °C 26 °C
PEKAN BANGAR		
32 °C 24 °C	31 °C 24 °C	32 °C 25 °C
PEKAN TUTONG		
32 °C 24 °C	32 °C 24 °C	33 °C 25 °C
PEKAN SERIA		
33 °C 25 °C	32 °C 25 °C	33 °C 26 °C
KUALA BELAIT		
33 °C 25 °C	32 °C 24 °C	33 °C 25 °C

Wafiqulnizam Wafiqulnizam
Sumber: JABATAN KAJI CUACA BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN PERKHIDMATAN
Telefon: Talian Cuaca 314

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Pelantikan adalah amanah

Laporan Khas : Norlia Md. Zain

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menegaskan bahawa lantikan-lantikan keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Pelantikan-Pelantikan Baru itu merupakan amanah.

“Amanah itu sifatnya adalah sangat berat, kerana ianya

merangkumi tugas dan kewajipan bagi menegakkan keadilan. Ke arah itu, ianya perlu dipikul dengan penuh tanggungjawab, jujur lagi ikhlas dengan penuh taat lagi setia,” tegas titah baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian ketika mengumumkan mengenai Rombakan Keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet Negara Brunei Darussalam dan Pelantikan-Pelantikan Baru yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Pelantikan tersebut bermula pada Khamis, 9 Muharam 1437 bersamaan 22 Oktober 2015 bagi tempoh selama lima tahun.

Sistem pemerintahan tersendiri berjaya cipta keamanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, Negara Brunei Darussalam telah dikenali sebagai sebuah negara yang mempunyai sistem pemerintahannya yang tersendiri terbukti menghasilkan pembangunan dan berjaya mencipta keamanan, perpaduan dan kemakmuran.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia

bertitah demikian ketika mengumumkan mengenai Rombakan Keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet Negara Brunei Darussalam dan Pelantikan-Pelantikan Baru di Istana Nurul Iman.

Titah baginda, kita telah menyaksikan banyak negara di dunia ini tidak berpeluang menikmati keamanan, perpaduan dan kemakmuran itu, kerana faktor-faktor tertentu, tetapi kita telah ditakdirkan dapat mengecapnya tanpa sebarang masalah.

“Tinggal saja lagi, apakah kita mampu untuk terus memelihara dan

mengekalkannya?,” tambah titah baginda.

Ugama kita, titah baginda, telah memberi petunjuk, bahawa nikmat itu boleh kekal, tetapi masih saja ia tertakluk kepada *pembawaan* kita sendiri.

Allah mengurniakan nikmat, tegas titah baginda, sementara kita berkewajipan mensyukurinya.

“Syukur itulah pemangkin segala nikmat dan keberkatan. Tanpa syukur, nikmat akan hakis, tidak dapat bertahan lama,” titah baginda.

Baginda menambah titah, cara bersyukur itu selain mengucap-



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bertitah mengenai Rombakan Keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Pelantikan-Pelantikan Baru, di Istana Nurul Iman.

kannya dengan lidah, kita juga dituntut untuk bersyukur melalui *urustadbir* di dalam kehidupan.

“Kerana itulah kita memerlukan kerajaan dan dalam kerajaan itu pula terdapat jentera yang terdiri daripada para pemimpin dan pegawai-pegawai serta kakitangan di bawah mereka.”

Titah baginda lagi, di tangan merekalah terutama para pemimpin,

kewajipan untuk membawa negara ini menjalani amalan syukur, iaitu melalui pimpinan dan urustadbir mereka dalam kerajaan.

Salah satu dari ciri bersyukur itu, titah baginda ialah dengan melaksanakan keadilan, kerana keadilan adalah segala-galanya dan tanpa keadilan, semua kebajikan akan jauh atau menarik diri daripada kita.

Jawatan Mufti Kerajaan, Peguam Negara bertaraf Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengumumkan bahawa jawatan Mufti Kerajaan dan Peguam Negara adalah sebagai jawatan bertaraf Menteri.

Baginda bertitah demikian ketika mengumumkan mengenai Rombakan Keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet Negara Brunei Darussalam dan Pelantikan-Pelantikan Baru yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

“Beta dengan ini juga sukacita memaklumkan bahawasanya jawatan Mufti Kerajaan dan Peguam Negara adalah sebagai jawatan bertaraf Menteri,” titah baginda.



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Aziz bin Juned.



PEGUAM Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh.

Kebawah DYMM lahirkan penghargaan, terima kasih

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Menteri-Menteri Kabinet dan Timbalan-Timbalan Menteri yang tidak lagi dilantik bagi membarisi barisan Menteri-Menteri Kabinet bagi tempoh 2015-2020.

“Beta tidak lupa merakamkan penghargaan dan

ucapan terima kasih kepada mereka yang tidak lagi dilantik di atas khidmat dan jasa mereka yang disumbangkan selama ini, semoga Allah jua yang akan membalas mereka dengan ganjaran pahala serta kebahagiaan yang berterusan,” titah baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, melahirkan penghargaan itu ketika bertitah semasa mengumumkan mengenai Rombakan Keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet Negara Brunei Darussalam dan Pelantikan-Pelantikan Baru yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Bincang kepentingan kerjasama dua hala



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib bergambar kenangan bersama Naib Pengerusi Jawatankuasa Tetap NPC, Pengerusi Central Committee of China Democratic League dan Naib Presiden CAIFU, Tuan Yang Terutama Zhang Baowen bersama rombongan dari Persatuan China.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Oktober. - Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat (JMMM) menerima kunjungan daripada beberapa ahli rombongan dari Persatuan China bagi Persefahaman Antarabangsa, (Chinese Association for International Understanding - CAIFU).

Rombongan yang diketuai oleh Naib Pengerusi Jawatankuasa Tetap NPC, Pengerusi Central Committee of China Democratic League dan Naib Presiden CAIFU, Tuan Yang Terutama Zhang Baowen telah mengadakan kunjungan muhibah kepada Yang Di-Pertua

Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

Majlis berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, JMMM, di sini.

Hadir sama ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yang Jian serta beberapa orang pegawai dari Kedutaan Besar Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam.

Juga hadir ialah Setiausaha Majlis

Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar; Timbalan Jurutulis MMN,

Dayang Hajah Rose Aminah binti Haji Ismail serta beberapa orang pegawai dari JMMM.

Semasa kunjungan muhibah tersebut, kedua-dua belah pihak telah

bertukar-tukar pandangan dan membincangkan kerjasama yang boleh diwujudkan dalam mengukuhkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua belah pihak.



YANG Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman dan Naib Pengerusi Jawatankuasa Tetap NPC, Pengerusi Central Committee of China Democratic League dan Naib Presiden CAIFU, TYT Zhang Baowen bertukar-tukar cenderamata (atas dan bawah).



YANG Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman semasa menerima kunjungan muhibah daripada Naib Pengerusi Jawatankuasa Tetap NPC, Pengerusi Central Committee of China Democratic League dan Naib Presiden CAIFU, TYT Zhang Baowen.

Empat pustakawan hadiri INELI - ASEAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Oktober. - Seramai empat pustakawan Brunei telah berlepas ke Kuala Lumpur untuk menghadiri mesyuarat pertama dari Rangkaian Antarabangsa Baru Perpustakaan Innovators (INELI) - ASEAN pada 21 hingga 24 Oktober ini.

Ia dianjurkan oleh Perpustakaan Filipina dan dikelola oleh Perpustakaan Malaysia, The INELI-ASEAN dibiayai oleh Bill dan Melinda Gates Foundation.

Ketua rombongan pustakawan Brunei yang menyertai mesyuarat INELI - ASEAN ialah Yang Dipertua Persatuan Perpustakaan Brunei Darussalam, Dayang Nellie binti Dato Paduka Haji Sunny.

Lebih 50 pustakawan dari 10 negara anggota ASEAN yang terdiri daripada Pengarah Perpustakaan Negara, Presiden Persatuan Perpustakaan, pemimpin perpustakaan, pustakawan profesional muda, pembelajaran fasilitator dan mentor akan membincangkan mengenai tiga tahun pakej latihan dalam talian yang akan mewujudkan satu rangkaian serantau baharu dan pemimpin perpustakaan awam untuk memupuk kerjasama.

Ia juga bagi mengukuhkan keupayaan dan perkongsian dalam melaksanakan inovasi yang berkaitan untuk mengoptimumkan peranan dan fungsi perpustakaan awam dalam memperbaiki kehidupan dengan kedudukan perpustakaan awam di dunia sebagai aset masyarakat yang kritikal dan pembekal maklumat melalui program-program dan perkhidmatan yang berkaitan.

INELI - ASEAN telah dirasmikan pada 10 Jun lalu di Bangkok, semasa penganjuran Persidangan 16 CONSAL.

Cawangan Operasi 'F' johan Pertandingan Kemahiran Bomba 2015



PENGARAH Bomba dan Penyelamat, Awang Yahya bin Haji Abdul Rahman hadir selaku tetamu kehormat pada Pertandingan Kemahiran Bomba 2015 yang berlangsung di Padang Kawad, Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat, Berakas.

Oleh : Nurul Nadzirah Haji Mahadin
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Oktober. - Cawangan Operasi 'F' Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) terpilih sebagai johan keseluruhan pada Pertandingan Kemahiran Bomba 2015.

Naib johan pula disandang oleh Cawangan Operasi 'C', sementaraa tempat ketiga dimenangi oleh Cawangan Operasi 'A'.

Pembukaan rasmi pertandingan itu dirasmikan oleh Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Yahya bin Haji Abdul Rahman yang berlangsung di Padang Kawad, Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat, Berakas, di sini.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pengarah Bomba dan Penyelamat antara lain menjelaskan pertandingan tahunan itu agak berbeza kali ini

dengan menggunakan trek dan padang sebagai gelanggang pertandingan.

Selain itu katanya, pertandingan ini dihasratkan menjadi ukuran bagi pihak pengurusan menilai tahap keberkesanan kemahiran anggota-anggota di bawah jagaan mereka tentang komitmen diberi terhadap kerja bomba yang mereka ceburi.

"Ia juga memberi gambaran jelas tahap profesionalisme anggota yang sentiasa bersedia menahut panggilan kecemasan dan mereka akan terus dididik dengan kemahiran mengikut peredaran masa," jelasnya.

Pertandingan ini dijadikan sebagai semangat kerjasama serta setia kawan dalam suasana penuh ceria dalam kalangan anggota JBP, tambahanya lagi.

Sebanyak sembilan Cawangan Bomba dan Penyelamat menyertai pertandingan tersebut yang terdiri dari cawangan-cawangan seluruh daerah, Unit Skwad Khas dan Unit Operasi Bomba Wanita.

Pertandingan ini terbahagi kepada dua segmen yang mana ia berkonsepkan menguji kekuatan, ketahanan dan ketabahan peserta di dalam beberapa pertandingan yang berasaskan elemen-elemen senario sebenar operasi memadamkan kebakaran, menyelamatkan mangsa dalam mengharungi segala halangan dalam tugas berpasukan, kecekapan mengendalikan perkakas dan peralatan operasi, pengendalian HazMat dan kemahiran 'First Aid', selain turut menitikberatkan aspek-aspek keselamatan semasa pertandingan.

Segmen pertama terbahagi kepada lima acara, iaitu Donning, Rescue, HazMat, Hose Laying dan Obstacle Climbing, manakala segmen kedua dibahagi kepada dua acara, iaitu First Aid dan Tali dan Ikatan.

Tujuan pertandingan adalah bagi menguji ketahanan mental dan fizikal berpasukan, untuk memperlihatkan kemahiran dan kecekapan peserta dalam penggunaan serta pengendalian peralatan memadamkan kebakaran dan menyelamatkan nyawa, di samping membina semangat kerjasama berpasukan dan bagi menimbulkan suasana muhibah di antara para peserta.

Pemenang keseluruhan pertandingan ini akan mewakili JBP ke Pertandingan International



PENGARAH Bomba dan Penyelamat diperkenalkan kepada peserta Pertandingan Kemahiran Bomba 2015.



Elite Rescuers Exchange Workshop, Singapore Global Fire Fighters and Paramedics Challenge dan Singapore Civil Defence Parade yang akan diadakan selama enam hari bermula pada 9 November 2015 di republik berkenaan.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Timbalan Pengarah Bomba dan Penyelamat, Lim Hock Guan; penolong-penolong pengarah, pegawai-pegawai kanan, para pegawai, anggota dan kakitangan JBP dan para jemputan khas.

PENGARAH Bomba dan Penyelamat semasa menyampaikan ucapan pada Pertandingan Kemahiran Bomba 2015.

Beberapa aktiviti disusun bagi Hari Perangkaan Sedunia

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Oktober. - 20 Oktober diisytiharkan sebagai Hari Perangkaan Sedunia (WSD) dan ia diraikan pada setiap lima tahun, seperti yang telah diluluskan melalui resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Sehubungan itu, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) juga akan menyertai agensi-agensi perangkaan di seluruh dunia bagi meraikan Hari Perangkaan Sedunia 2015.

Sambutan WSD 2015, dengan tema 'Data Berkualiti, Hidup Sejahtera' adalah bertujuan untuk membarigakan mengenai kepentingan sistem perangkaan yang berkualiti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi mendukung pembentukan perancangan kemajuan dan pembuatan dasar oleh kerajaan, dan apa jua kegunaan dalam membuat keputusan berasaskan maklumat.

Hasil dari pelaksanaan program-program kemajuan berkenaan yang berasaskan penganalisan data yang relevan dan terkini tentunya akan memberikan impak kepada kesejahteraan kehidupan rakyat dan penduduk di semua lapisan masyarakat di sesebuah negara.

Data yang berkualiti melalui sumber data dan metodologi yang dipertingkatkan, penggunaan teknologi baru dan sistem perangkaan yang selaras dan berkesan akan menghasilkan keputusan yang lebih baik yang seterusnya akan mewujudkan kehidupan yang lebih sejahtera.

Sempena Sambutan WSD 2015 di Negara Brunei Darussalam, JPKE, selaku Pihak Berkuasa bagi Perangkaan Negara akan melancarkan laman sesawang JPKE baharu yang mengandungi perangkaan negara terkini.

Pengubahsuaian dan penaiktarafan laman sesawang JPKE ini dihasratkan akan lebih memudahkan para pengguna untuk mendapatkan data atau maklumat perangkaan rasmi negara yang meliputi bidang perangkaan ekonomi dan sosial.

JPKE akan melaksanakan beberapa aktiviti sempena Sambutan WSD 2015, yang mana antaranya adalah Majlis Pelancaran Laman Web JPKE yang baharu yang diadakan pada hari Selasa, 20 Oktober 2015; Majlis Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil pada hari Khamis, 22 Oktober 2015 bagi memperingati warga JPKE yang telah kembali ke rahmatullah; bekerjasama dengan pihak media bagi menyebarkan *infographics* perangkaan negara bermula 20 hingga 31 Oktober 2015; dan promosi jualan bagi buku-buku terbitan JPKE.

Sebarang pertanyaan mengenai Sambutan WSD dan laman sesawang baharu JPKE bolehlah dirujuk ke JPKE dengan menghubungi talian atau melayari laman sesawang http://depd_prod.egc.gov.bn atau melalui talian telefon : 2230250 atau 2233344 (waktu pejabat) atau melalui e-mel : info.statistics@jpke.gov.bn.



ANGGOTA bomba yang menyertai pertandingan ketika mempamerkan kemahiran dan kecekapan tindakan beroperasi yang betul dalam kategori-kategori yang dipertandingkan (atas dan bawah).



Peserta SSEAYP perlu ketengahkan imej kebruneian



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa memberikan ucapan pada Majlis Kunjungan Hormat Peserta-Peserta SSEAYP Ke-42, 2015 dan Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Oktober. - Adalah sangat penting bagi para peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) khususnya peserta dari Negara Brunei Darussalam untuk mengetengahkan imej dan identiti mereka di sepanjang masa menyertai program berkenaan bagi menunjukkan belia-belia Brunei yang berwawasan, berjiwa besar, bersikap ihsan dan hormat serta mempunyai semangat 'Bekarih, Bejarih, Belurih'.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menekankan perkara tersebut pada Majlis Kunjungan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair semasa bergambar ramai bersama para peserta SSEAYP 2015.

Hormat Peserta-Peserta SSEAYP Ke-42, 2015 dan Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Yang Berhormat berkata, bersesuaian dengan tema SSEAYP pada tahun ini, iaitu 'Penglibatan Belia dalam Aktiviti-Aktiviti Sosial' para peserta hendaklah bukan saja semata-mata duduk dan mendengar di meja atau kumpulan perbincangan, tetapi secara aktif menyumbang kepada tajuk atau bahan-bahan yang dibincangkan.

"Para belia perlu mengongsikan pengalaman dan pencapaian golongan belia di Negara Brunei Darussalam yang giat aktif dalam kerja-kerja sosial dan kemasyarakatan baik dalam negeri mahupun di luar negara. Para Peserta pelu mengangkat akan usaha Negara Brunei Darussalam pada menyatukan belia-belia profesional ASEAN dalam melaksanakan kerja-kerja sosial dan kebijakan di negara-negara ASEAN melalui 'ASEAN Young Professional Volunteer Corps' (AYPVC) dan

Outreach Program oleh mahasiswa-mahasiswi Universiti Brunei Darussalam. Memberikan contoh kejayaan persatuan-persatuan belia seperti Society for Community Outreach and Training (SCOT), Read of Take It (R.O.T.I) dan Katakh Hijau sebagai contoh, dalam kerja-kerja sosial menjaga alam sekitar, membantu golongan-golongan susah dan mengangkat budaya membaca di kalangan masyarakat di Negara Brunei Darussalam. Dalam waktu yang sama mereka juga perlu menterampikan keupayaan intelek dan pengetahuan belia-belia Brunei mengenai isu-isu semasa serantau dan global. Ini kerana belia-belia adalah merupakan cermin dan tunggak kepimpinan negara di masa depan," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya menekankan bahawa para peserta SSYEAP merupakan kumpulan belia Negara Brunei Darussalam yang mempunyai pengalaman perjalanan yang jauh dan pendedahan yang meluas di bidang sosio, budaya,

ekonomi di negara-negara yang disinggahi di dalam tempoh pelayaran dan persinggahan di Negara Brunei Darussalam dan Jepun.

Oleh yang demikian tambahnya, masyarakat menaruh harapan ke atas Alumni SSYEAP untuk dapat mencurahkan khidmat dan bergerak secara aktif menyumbang kepada pembangunan belia serta kerja-kerja sukarelawan dan kemasyarakatan di Negara Brunei Darussalam dengan berpanduan kepada pengalaman, amalan terbaik dan perkongsian maklumat yang diperolehi.

Para peserta SSYEAP jelasnya, perlu membuktikan kepada masyarakat dan negara bahawa program yang mereka ikuti benar-benar menyumbang kepada perubahan minda (*mindset*) dan memberikan anjakan paradigma ke atas diri mereka dalam memberikan kesedaran akan betapa pentingnya generasi belia memainkan peranan mereka di dalam pembangunan dan kemajuan komuniti masing-masing.

Ini menurutnya, adalah bertepatan

dengan matlamat Post-Programme Activity (PPA) yang dikenakan ke atas peserta-peserta setelah mengikuti program ini dan mereka hendaklah mengenal pasti bidang kerja sukarela yang akan mereka sumbangkan yang dapat membangun masyarakat dan pada pembangunan negara.

Para peserta juga tegasnya, perlu memenuhi dan menunaikan peranan sebagai 'duta kecil negara' dengan memberikan gambaran yang positif mengenai masyarakat dan negara Brunei, di samping menjaga imej dan nama baik negara setiap masa dengan mencerminkan keperibadian dan kesopanan orang Brunei dan mempromosikan adat budaya serta gaya hidup orang-orang Brunei yang berpegang kepada konsep Melayu Islam Beraja.

Tegas Yang Berhormat lagi, yang penting sekali ialah di sepanjang mengikuti program ini nanti jangan sama sekali diabaikan tanggungjawab sebagai seorang Muslim dan Muslimah yang berpegang kepada ajaran-ajaran Islam.

SSEAYP kukuhkan kesefahaman kalangan belia ASEAN - Jepun



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menyerahkan bendera kebangsaan Negara Brunei Darussalam kepada Ketua Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke SSEAYP Ke-42, Pengiran Anak Mohd. Sofian bin Pengiran Anak Haji Ibrahim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Oktober. - Negara Brunei Darussalam akan menghantar seramai 28 belia dan seorang ketua kontinjen untuk mengikuti Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) Ke-42, 2015 bermula pada 27 Oktober hingga 16 Disember 2015.

Menteri Kebudayaan, Belia dan

Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menyerahkan Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Kunjungan Hormat Peserta-Peserta SSEAYP Ke-42, 2015 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Awang Haji Abdul Halim bin Haji Fuad.

Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Rosmadee bin Haji Mohd. Daud antara lain berkata, SSEAYP merupakan program pertukaran belia antarabangsa khusus untuk negara-negara ASEAN dan Jepun dengan singgah ke beberapa negara berkenaan.

Tujuan rancangan ini jelasnya, ialah bagi melahirkan kesefahaman dan kerjasama antarabangsa dalam kalangan belia-belia ASEAN dan Jepun, di samping itu ia bertujuan untuk mengenal dan mempelajari pelbagai kegiatan dalam semua aspek, cara hidup, adat budaya, politik dan penggunaan ekonomi bagi sesebuah negara.

Sementara itu, dalam ucapan balas Ketua Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke SSEAYP Ke-42, Pengiran Anak Mohd. Sofian bin Pengiran Anak Haji Ibrahim pula antara lain menjelaskan, sebagai persediaan awal kontinjen terhadap acara-acara dan aktiviti-aktiviti yang diaturkan di dalam kapal dan semasa Port of Call, para peserta telah mengikuti satu sesi kepimpinan yang dikendalikan oleh Jabatan Belia dan Sukan yang merangkumi antaranya latihan kepimpinan dan sesi perbincangan tentang isu-isu yang

akan dibincangkan mengikut topik-topik yang telah disediakan oleh pihak penganjur.

Selain dari itu jelasnya, para peserta juga diberi tugas awal dengan lantikan beberapa jawatankuasa kerja di dalam kontinjen dengan membahagikan tugas dengan berdasarkan kerjasama, lebih bertanggungjawab dan kesefahaman di antara mereka.

Program SSEAYP ini merupakan program tahunan yang bermula sejak tahun 1974 yang dikelolakan dan ditaja sepenuhnya oleh Kerajaan Jepun dengan kerjasama Negara-negara ASEAN.

Penyertaan Negara Brunei Darussalam tahun ini merupakan yang Ke-30 sejak penyertaan rasmi pertama negara pada tahun 1985.

Objektif program ini telah dipersetujui bersama oleh Ketua-ketua Negara ASEAN dan Jepun melalui Memorandum Persefahaman yang ditandatangani pada tahun 1974 yang mana Negara Brunei Darussalam menyertai program ini sejak tahun 1984 barulah Negara Brunei Darussalam menyertai program ini secara penyertaan penuh.

Tujuan utama program diadakan ialah bagi mengukuhkan persahabatan dan memupuk persefahaman di antara generasi muda terutama golongan belia serantau dan Jepun ke arah kerjasama di semua bidang pada masa akan datang.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk bertukar pendapat dan pandangan serta memperkenalkan budaya masing-masing, di samping mengenal semangat serta menghormati persamaan dan perbezaan para peserta yang disifatkan amat penting kepada bakal pemimpin.

Ia memberikan peluang kepada para peserta untuk mengetahui cara hidup dan berinteraksi secara sihat di atas kapal, di samping melawat dan mempelajari negara-negara peserta dengan terlibat secara langsung bersama penduduk tempatan yang ditemui.



PEMANGKU Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Rosmadee bin Haji Mohd. Daud semasa berucap.

Data Berkualiti, Hidup Sejahtera

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

GADONG, Selasa, 20 Oktober. - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) menyertai agensi-agensi perangkaan di seluruh dunia bagi meraikan Hari Perangkaan Sedunia (World Statistics Day - WSD) 2015.

Sambutan WSD pada tahun ini

bertemakan 'Data Berkualiti, Hidup Sejahtera' bertujuan untuk membarigakan mengenai kepentingan sistem perangkaan yang berkualiti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi mendukung pembentukan perancangan kemajuan dan pembuatan dasar oleh kerajaan

MAKLUMAN

Waspada kerja-kerja pembinaan sementara jambatan besi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Oktober. - Jabatan Laut mengingatkan kepada pelaut-pelaut bahawa kerja-kerja pembinaan sementara jambatan besi, iaitu 'Steel Trestle Bridge' bagi Projek Jambatan Pulau Muara Besar (PMB) sedang dijalankan selama tiga bulan bermula 10 Oktober 2015 hingga 10 Januari 2016 di sekitar kawasan persisiran Pantai Serasa, perairan Pelabuhan Muara dan perairan Negara Brunei Darussalam.

Kerja-kerja pembinaan tersebut yang akan dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) dan dikendalikan oleh Syarikat China Harbour Engineering Company Ltd : PMB Bridge Road and Utilities Project Management, Negara Brunei Darussalam akan menyebabkan pembatasan kepada keselamatan pelayaran.

Jambatan besi sementara itu akan dibina dari daratan persisiran pantai di Serasa dan PMB yang mana pemberitahuan kepada pelaut-pelaut akan digunakan mengikut gaya kerja di zon-zon berikutnya dan ianya mempunyai zon keselamatan pada lingkungan 100 meter.

Kerja-kerja tersebut termasuk pemasangan paip keluli piling berukuran 600mm diameter yang dilaksanakan dengan menggunakan kaedah 'Vibrator Hammer' oleh 80 tan 'Crawler Crane'.

Isyarat amaran yang disediakan ialah di sepanjang jambatan besi sementara tersebut yang akan ditandakan dengan lampu-lampu yang berwarna kuning.

Sehubungan itu, pelaut-pelaut terutamanya para nelayan tempatan disaran supaya tidak memasuki ataupun berlabuh di mana-mana lokasi serta di sekeliling perairan terbabit bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku serta menjauhi zon kawasan kerja.

Apabila berada di sekitar kawasan tapak kerja tersebut, para pelaut juga dinasihatkan supaya mengekalkan langkah berjaga-jaga dan lebih berhati-hati apabila berlayar di kawasan berkenaan.

Pihak LKEB (Syarikat China Harbour Engineering Company Ltd.; PMB Bridge Road and Utilities Project Management), Negara Brunei Darussalam akan sentiasa memantau perjalanan operasi tersebut. Peta laut yang terlibat ialah : BA 2134.

Kerja Penyelidikan Hidrografi di perairan laut Tungku

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Oktober. - Jabatan Laut mengingatkan kepada pelaut-pelaut bahawa kerja-kerja Penyelidikan Hidrografi sedang dijalankan pada 10 Oktober hingga 10 Disember 2015 di perairan laut Tungku, perairan Negara Brunei Darussalam sehingga ke perairan Kampung Kiamsan, perairan Labuan, Malaysia.

Hasil kajian penyelidikan itu nanti akan digunakan untuk penandaan kabel fiber optik dasar laut yang akan menyebabkan pembatasan kepada keselamatan pelayaran.

Kerja-kerja tersebut akan dilaksanakan oleh Syarikat BIG Company Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam dengan menggunakan kapal T.B. Vanessa 10.

Isyarat amaran yang disediakan pada waktu siang dan malam ialah empat boya berwarna kuning yang mana pada waktu malam boya tersebut akan berkelip setelah dipanah dengan cahaya *spotlight* dari Kapal Tongkang.

Sehubungan dengan itu, pelaut-pelaut terutamanya para nelayan tempatan dinasihatkan supaya tidak memasuki ataupun berlabuh di mana-mana lokasi serta di sekeliling perairannya bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku.

Pelaut-pelaut dikehendaki untuk menjauhi zon kawasan kerja itu, di samping meningkatkan langkah berjaga-jaga apabila berada di sekitar kawasan tapak kerja serta lebih berhati-hati apabila berlayar di kawasan berkenaan dan sentiasa peka mendengarkan amaran dari Marin VHF saluran 16.

Pihak Syarikat BIG Company Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam akan sentiasa memantau perjalanan operasi tersebut. Peta laut yang terlibat ialah : BA 2109.



SETIAUSAHA Tetap (Antarabangsa, Perancangan dan Perkembangan dan Kewangan) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman (empat dari kanan) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Hari Perangkaan Sedunia 2015.

dan apa jua kegunaan dalam membuat keputusan berasaskan maklumat.

Hasil daripada pelaksanaan program-program kemajuan berkenaan yang berasaskan penganalisaan data yang relevan dan terkini setentunya akan memberikan impak kepada kesejahteraan kehidupan rakyat dan penduduk di semua lapisan masyarakat di sesebuah negara.

Data yang berkualiti melalui sumber data dan metodologi yang dipertingkatkan, penggunaan teknologi baru dan sistem perangkaan yang selaras dan berkesan akan menghasilkan keputusan yang lebih baik yang seterusnya akan mewujudkan kehidupan yang lebih sejahtera.

Sehubungan dengan itu, Majlis Pelancaran Hari Perangkaan Sedunia 2015 disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Antarabangsa, Perancangan dan Perkembangan dan Kewangan) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

Pemangku Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Awang Haji Abdul Amin bin Haji Hashim dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan, setiap 20 Oktober diisytiharkan sebagai Hari Perangkaan Sedunia oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan



SETIAUSAHA Tetap (Antarabangsa, Perancangan dan Perkembangan dan Kewangan) di JPM, Awang Haji Hamzah melancarkan laman sesawang JPKE.

diraikan setiap lima tahun.

Menurutnya, Sambutan Hari Perangkaan Sedunia 2015 membawa tema 'Data Berkualiti, Hidup Sejahtera' atau 'Better Data, Better

Lives', memberikan fokus kepada kepentingan sistem perangkaan yang berkualiti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi mendukung pembentukan perancangan kemajuan dan pembuatan dasar oleh kerajaan, dan apa jua kegunaan dalam membuat keputusan berasaskan maklumat.

"Hasil dari pelaksanaan program-program kemajuan berkenaan yang berasaskan penganalisaan data yang relevan, berkualiti dan terkini setentunya akan memberikan impak positif kepada kesejahteraan kehidupan rakyat dan penduduk di semua lapisan masyarakat di sesebuah negara. Data atau maklumat yang berkualiti yang dihasilkan dari sumber yang diyakini dan metodologi yang dipertingkatkan, penggunaan teknologi baru dan sistem perangkaan yang selaras dan berkesan akan dapat menghasilkan keputusan yang lebih baik yang seterusnya akan mewujudkan kehidupan yang lebih sejahtera," jelas beliau.

Majlis diteruskan dengan persembahan video promo WSD 2015 dan video Snapshot Laman Web atau Sesawang dan Pelancaran Sesawang JPKE.



PEMANGKU Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Awang Haji Abdul Amin bin Haji Hashim menyampaikan ucapan alu-aluan pada majlis tersebut.

Pantau perkembangan pengajian sekolah agama



PEGAWAI-PEGAWAI dari Bahagian Kenaziran Jabatan Pengajian Islam (JPI) di Daerah Belait yang diketuai oleh Ketua Bahagian Kenaziran JPI, Awang Haji Hasbi bin Haji Mohd. Suhaily semasa mengadakan lawatan kerja ke Sekolah Agama Merangking, Sekolah Agama Bukit Sawat dan Sekolah Rendah Sungai Tali dan seterusnya memberikan sumbangan alat tulis dan pakaian sekolah kepada beberapa orang murid yang memerlukan (kiri dan kanan).

Berita dan Foto :
Jabatan Pengajian Islam



KUALA BELAIT, Selasa, 20 Oktober. - Serombongan pegawai dari Bahagian Kenaziran Jabatan Pengajian Islam (JPI) di Daerah Belait yang diketuai oleh Ketua Bahagian Kenaziran JPI, Awang Haji Hasbi bin Haji Mohd. Suhaily telah mengadakan lawatan kerja ke beberapa buah sekolah agama di daerah ini kelmarin.

Lawatan ke Sekolah Agama Merangking, Sekolah Agama Bukit Sawat dan Sekolah Rendah Sungai Tali tersebut bertujuan untuk memastikan perjalanan pengurusan dan pentadbiran sekolah berkenaan berjalan dengan baik dan sempurna selain perkongsian idea mengenai perkara-perkara yang berbangkit bersama guru besar dan pentadbir sekolah.

Semasa lawatan, rombongan juga telah memberikan sumbangan berbentuk peralatan tulis dan pakaian sekolah kepada beberapa orang murid yang memerlukannya sebagai dorongan dan semangat mereka untuk terus belajar dan berjaya.

Rombongan disertai oleh ketua-ketua Unit Kenaziran serta para pegawai di bawah unit berkenaan.

Seorang warganegara Bangladesh dihadapkan ke Mahkamah Majistret

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Oktober. - Seorang warganegara Bangladesh, Zakir, telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan bagi kesalahan rasuah di bawah Bab 6(b) Akta Pencegahan Rasuah (Penggag 131).

Menurut Siaran Akhbar Biro Mencegah Rasuah (BMR), hasil siasatan BMR mendapati bahawa pada 13 Oktober 2015, defendan secara tidak jujur telah menawarkan BND20.00 (dua puluh ringgit) kepada seorang anggota polis dari Balai Polis Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) sebagai dorongan atau imbalan agar dia tidak mengambil tindakan saman terhadap kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh, iaitu meletakkan keretanya di kawasan 'No Waiting' di Departure Drop-off, LTAB.

Semasa dihadapkan di mahkamah, pertuduhan tersebut telah dibacakan kepada tertuduh akan tetapi tertuduh tidak mengaku bersalah. Untuk itu, Majistret Hajah Ervy Sufitriana binti Haji Abdul Rahman menetapkan tertuduh hadir ke mahkamah pada 2 November 2015, pukul 9.00 pagi.

Pendakwa raya kes ini ialah Timbalan Pendakwa Raya Norhayati binti Omar.

Seorang lelaki dikehendaki polis

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 Oktober. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) meminta kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang lelaki, Al-Fadillah bin Abdullah, 36 tahun, berbangsa Melayu yang dikehendaki untuk membantu siasatan.

Sementara itu, Balai Polis Kuala Belait juga memohon bantuan orang ramai di negara ini untuk mengesan pekerja rakyat Bangladesh yang lari dari pada majikan, Abdul Hasan, 28 tahun, dengan bilangan pasport AD3243544.

Jika sesiapa terdapat sebarang maklumat mengenai lelaki-lelaki berkenaan boleh terus menghubungi Pegawai Menguasa Balai Polis Kuala Belait melalui 3334324 / 3334325 atau Hotline 993 atau mana-mana balai polis berdekatan.

Kampung Jerudong bakal tubuhkan Pengawasan Kejiranan



KETUA Kampung Jerudong, Mukim Sengkurong, Awang Haji Mohammad Rais bin Haji Ishak. (duduk dua dari kanan) bersama bakal-bakal Ahli Pengawasan Kejiranan Kampung Jerudong.

JERUDONG, Selasa, 20 Oktober. - Kampung Jerudong bakal menubuhkan Pengawasan Kejiranan sebagai usahanya membantu Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) mengurangkan kadar jenayah di kampung itu.

Menurut Siaran Akhbar PDB, satu taklimat mengenai ini telah diadakan di Rumah Ketua Kampung Jerudong, Mukim Sengkurong, Awang Haji Mohammad Rais bin Haji Ishak.

Hadir termasuk bakal ahli pengawasan kejiranan seramai 20 orang.

Juga hadir ialah Pegawai Penguasa Balai Polis Sengkurong, Inspektor Kanan Alfie Wayne.

Taklimat dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan diteruskan ucapan oleh Ketua Kampung Jerudong mengenai penubuhan Pengawasan Kejiranan.

Kemudian diteruskan dengan taklimat oleh Pegawai Penguasa Balai Polis Sengkurong dan disudahi dengan sesi soal jawab oleh bakal-bakal ahli Pengawasan Kejiranan.

Kampung Jerudong mempunyai penduduk lebih kurang 11 ribu orang

dengan adanya penyertaan Ahli Pengawasan Kejiranan Kampung Jerudong itu nanti akan dapat

membantu PDB dalam mengurangkan kadar jenayah yang dilaporkan di kampung itu.



SEBAHAGIAN daripada bakal-bakal Ahli Pengawasan Kejiranan Kampung Jerudong yang hadir.

Guru wanita paling ramai dalam Perkhidmatan Awam



AHLI-AHLI panel perbincangan Perkumpulan Wanita Sedunia (World Assembly for Women : WAW! Brunei Darussalam 2015) terdiri daripada Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke negara ini, PYT Noriko Iki; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke negara ini, Puan Yang Terutama Loan Forgeron dan Pesuruhjaya Tinggi Kanada, Puan Yang Terutama Marina Laker dengan dipengerusikan oleh Pengarah Eksekutif IQ-Quest Company, Fauziah binti Dato Seri Paduka Haji Talib.

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

RIMBA, Rabu, 21 Oktober. - Pada tahun 2011, statistik Negara Brunei Darussalam terhadap wanita yang bekerja menunjukkan bahawa sebanyak 57.2 peratus wanita bekerja dalam bidang profesional, diikuti dengan pekerja dalam perkeranian sebanyak 68 peratus dan bidang pekerjaan asas sebanyak 48.2 peratus.

Pekerjaan lain yang dibuat oleh wanita termasuk sebagai juruteknik dan profesional bersekutu, pengurus



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke negara ini, Puan Yang Terutama Noriko Iki semasa berucap sebelum perbincangan dimulakan.

dan pegawai kanan, jurujual, kraf tangan dan sebagainya.

Demikian dinyatakan oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman semasa menjadi salah seorang ahli panel pada perbincangan Perkumpulan Wanita Sedunia (World Assembly for Women : WAW! Brunei Darussalam 2015) berlangsung di Pusat Latihan Serbaguna CAE Brunei (MPTC) di sini.

Menurut Yang Mulia Datin Paduka, wanita yang berkhidmat di dalam Perkhidmatan Awam dari statistik 2014 pula menunjukkan bahawa jawatan guru adalah pekerjaan yang paling ramai dijawab oleh wanita di negara ini iaitu sebanyak 71.1 peratus, diikuti dengan pekerja di Bahagian II sebanyak 62.7 peratus dan di Bahagian III sebanyak 59.2 peratus.

Antara cabaran akan datang yang bakal dihadapi oleh kaum wanita, tambahnya, termasuk keseimbangan kerjaya dan kehidupan, kepakaran teknikal mengenai isu jantina serta pembangunan keupayaan.

Sementara itu, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Noriko Iki dalam pembentangannya mengenai 'Situasi Wanita Dalam Kerja dan Langkah-Langkah Dasar Bagi Pemerkasaan Wanita Di Jepun' antara lain menjelaskan mengenai akta terbaru yang dilaksanakan di Jepun



ANTARA yang hadir pada perbincangan WAW ! Brunei Darussalam 2015.

terhadap langkah-langkah dasar termasuk kerajaan dan pihak berkuasa tempatan dan syarikat-syarikat swasta.

Melalui akta tersebut, jelasnya, sektor yang terlibat perlu memahami keadaan dan merangka pelan tindakan seperti nisbah wanita dalam kalangan pekerja yang baru diambil bekerja dan nisbah wanita dalam jawatan pengurusan.

Bagi syarikat-syarikat swasta pula, tambahnya, perlu mengumumkan keputusan dalam perangkaan sekurang-kurangnya salah satu daripada situasi yang disebutkan.

WAW! Brunei 2015 kali ini mengumpulkan wanita-wanita

terkemuka di negara ini daripada kerajaan, agensi dan persatuan serta perniagaan dan penyelidikan. Ia menyediakan peluang bagi bertukar-tukar pandangan, bertanyakan soalan-soalan dan membina rangkaian dengan para pengusaha dan mereka yang berpengaruh di dalam bidang sosial dan ekonomi.

Seramai empat ahli menyertai perbincangan tersebut terdiri daripada Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke negara ini, PYT Noriko Iki; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke negara ini, Puan Yang Terutama Loan Forgeron dan

Pesuruhjaya Tinggi Kanada, Puan Yang Terutama Marina Laker.

Sesi perbincangan tersebut dipengerusikan oleh Pengarah Eksekutif IQ-Quest Company, Dayang Fauziah binti Dato Seri Paduka Haji Talib.

Acara ini merupakan kali kedua diadakan di negara ini dan pada tahun ini, acaranya melibatkan sesi perbincangan mengenai tajuk 'Wanita dan Ekonomi serta pelbagai perspektif dalam dasar-dasar dan amalan-amalan.

WAW! 2015 telah diadakan di Tokyo, Jepun pada 28 dan 29 Ogos lalu sebagai usaha bagi meningkatkan kesedaran terhadap 'Sebuah Masyarakat Di Mana Wanita Menyerlah'.

Terdahulu, Duta Besar Jepun ke negara ini, PYT Noriko Iki, dalam ucapannya menjelaskan bahawa perkumpulan wanita sedunia ini merupakan inisiatif oleh Perdana Menteri Jepun, Shinzo Abe, iaitu sebagai usaha bagi menangani isu paling utama yang dinamakan 'Menubuhkan masyarakat di mana wanita menyerlah'.

Perdana Menteri Jepun, ujarinya, telah menggunakan ungkapan tersebut sejak melancarkan pentadbirannya dan menjanjikan usahanya bagi pemerkasaan wanita, semasa berucap pada Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2013.

Acara tersebut telah dianjurkan oleh Kedutaan Besar Jepun di Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Suruhanjaya Tinggi Kanada di negara ini.

HASRAT NEGARA

Dari muka 2

Sehubungan dengan perkara ini, ada baiknya, jika EXCO dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Tetap NFABD yang berkenaan, sama-sama menilai dan menangani isu ini. Jika difikirkan perlu, saya juga tidak ada halangan, supaya satu Jawatankuasa Khas ditubuhkan, khususnya untuk mengenal pasti, faktor-faktor kritikal dan menyediakan pelan strategik yang meliputi semua aspek yang berkaitan.

Salah satu faktor kritikal itu ialah kejurulatihan. Kita perlu melahirkan jurulatih-jurulatih tempatan yang berkelayakan, berwibawa dan berintegriti. Hanya dengan tiga perkara inilah sahaja, seorang jurulatih itu akan dihormati dan digalati bukan sahaja di kalangan pemain tetapi juga pegawai-pegawai di sekelilingnya. Ini sudah tentu, sedikit sebanyak akan mempengaruhi perkembangan bola sepak khususnya kemajuan pemain dan pasukan di bawah jaganya.

Sehubungan dengan perkara ini, pada Kongres NFABD yang telah diadakan, pada 4 Februari 2014, kita telah membuat keputusan, supaya semua jurulatih yang terlibat dengan Liga Perdana, mempunyai Sijil 'C' AFC mulai Musim 2015 / 2016, manakala bagi Liga Super, semua jurulatih-jurulatih yang terlibat,

NFABD berdaya maju, berkebolehan mengangkat sukan bola sepak

mempunyai sekurang-kurangnya, Sijil 'B' AFC mulai Musim 2016 / 2017.

Saya sukacita mengingatkan kepada semua jurulatih Liga Super untuk mengambil serius mengenai syarat ini dan berusaha untuk mendapatkan kelayakan tersebut sebelum Musim 2016 / 2017 bermula.

Selain dari itu, sukacita juga menarik perhatian pihak kejurulatihan bahawa mengikut peruntukan Perlembagaan NFABD, Artikel 21, Coaches Group, setakat ini, ianya masih kosong, disebabkan kita belum mempunyai Persatuan Kejurulatihan Kebangsaan. Saya berpendapat, sudah tiba masanya untuk kita mempunyai persatuan berkenaan demi kepentingan dan kemajuan jurulatih-jurulatih tempatan.

Bercakap mengenai kepentingan jurulatih, tidak adil jika kita tidak menitikberatkan kepentingan pemain-pemain. Oleh yang demikian, saya menyarankan supaya *players group* juga akan dapat ditubuhkan dengan secepat mungkin seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan NFABD, di bawah Artikel 21.

Akhirnya, saya sukacita merakamkan, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Pendidikan, FIFA, AFC, AFF, DST, TelBru, LOTO, KPMG dan Ridzlan Lim Advocates & Associates, di atas bantuan dan sokongan yang diberikan kepada NFABD. Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada pihak media Radio Televisyen Brunei, Jabatan Penerangan, Brunei Times, Borneo Bulletin dan Media Permata di atas liputan mereka, ke atas program-program pembangunan bola sepak NFABD.

Seterusnya, terima kasih kepada Mr. Mun Si Song, Manager of the AFC Member Associations dan Leftenan Jeneral Dato' Azzuddin Ahmad, Setiausaha Agung AFF kerana meluangkan masa hadir sebagai pemerhati sekali gus menjamin integriti kongres ini.

Begitu juga dengan pegawai-pegawai dan kakitangan Sekretariat NFABD yang diketuai oleh Setiausaha Agung, penghargaan dan terima kasih saya ucapkan, di atas dedikasi dan komitmen yang ditunjukkan dan berharap abiskita semua, akan terus bekerja keras dalam memantapkan kewibawaan dan integriti NFABD.

Sekian dan terima kasih.

Hindarkan dari bersifat tamak

"DARIPADA Anas bin Malik Radhiallahuanhu katanya : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Seandainya anak Adam sudah memiliki dua lembah emas, maka dia akan mahu untuk berusaha memiliki lembah yang ketiga. Padahal mulutnya itu tidak akan dapat menampung apa pun selain debu, Allah akan menerima taubat bagi orang yang mahu bertaubat." (Riwayat Al-Imam At-Tarmidzi).

Sesungguhnya sifat tamak telah terbukti boleh menyebabkan manusia ditimpa kehancuran dan mendapat kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala. Sebagai contoh, sebagaimana yang termaktub dalam Al-Qur'an, iaitu kisah Karun pada zaman Nabi Musa Alaihissalam. Oleh kerana terlalu banyak harta dan berkuasa, ia kufur kepada Allah Subhanahu Wata'ala, malahan ia mengaku bahawa harta yang dimilikinya itu adalah hartanya yang mutlak.

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah melimpahkan nikmat yang banyak kepada kita, antaranya nikmat rezeki. Sebagai manusia kita hendaklah sentiasa bersyukur dan merasa cukup, iaitu bersifat *qana'ah* dengan apa yang dianugerahkan Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita. Sifat *qana'ah* hendaklah ditanamkan dalam jiwa agar kita dapat menjauhkan diri kita dari sifat tamak haloba, apatah lagi sehingga mengambil hak milik orang lain.

Sememangnya agama Islam memerintahkan umatnya untuk mencari rezeki bagi kelangsungan hidup mereka. Islam juga tidak melarang umatnya untuk mengumpul harta kekayaan dari rezeki yang diperolehinya itu. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Qashash ayat 73 :

Tafsirnya : "Dan antara rahmat-Nya, Dia menjadikan untuk kamu malam dan siang supaya kamu dapat beristirahat padanya waktu malam dan dapat mencari rezeki daripada limpah kurnia pada waktu siang dan mudah-mudahan kamu bersyukur."

Perlu diingat, dalam hal harta yang kita miliki itu, kita bukanlah pemilik mutlak harta tersebut,

kerana dalam harta itu terdapat hak orang lain. Oleh yang demikian, Islam mewajibkan kita mengeluarkan zakat bagi harta yang telah memenuhi syarat-syaratnya. Kita juga digalakkan untuk bersedekah, berwakaf dan membantu orang-orang yang memerlukan bantuan.

Kehidupan di zaman ini yang lebih mementingkan kebendaan, wang ringgit, pangkat dan kemewahan boleh mempengaruhi manusia kepada sifat tamak haloba dan sayangkan harta, yang akhirnya akan menimbulkan sifat bakhil dan mementingkan diri sendiri. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis :

Maksudnya : "Daripada Anas bin Malik Radhiallahuanhu katanya : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Seandainya anak Adam sudah memiliki dua lembah emas, maka dia akan mahu untuk berusaha memiliki lembah yang ketiga. Padahal mulutnya itu tidak akan dapat menampung apa pun selain debu, Allah akan menerima taubat bagi orang yang mahu bertaubat." (Riwayat Al-Imam At-Tirmidzi).

Sesungguhnya sifat tamak telah terbukti boleh menyebabkan manusia ditimpa kehancuran dan mendapat kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala. Sebagai contoh, sebagaimana yang termaktub dalam Al-Qur'an, iaitu kisah Karun pada zaman Nabi Musa Alaihissalam. Oleh kerana terlalu banyak harta dan berkuasa, ia kufur kepada Allah Subhanahu Wata'ala, malahan ia mengaku bahawa harta yang dimilikinya itu adalah hartanya yang mutlak.

Memang banyak terjadi dalam sejarah

kehidupan manusia bahawa manusia boleh hilang pedoman dan pertimbangan apabila menganggap harta tersebut miliknya yang mutlak. Harta yang banyak boleh sahaja memesongkan manusia kepada kufur nikmat dan mementingkan diri sendiri. Jika manusia itu terlalu sayangkan harta, maka akan timbul keresahan dan ketakutan hartanya akan hilang, takut dicuri, takut dirompak dan bermacam-macam lagi, sehinggakan boleh menyebabkan kesihatannya terabai yang akhirnya membawa kemudarat dan kebinasaan kepada dirinya sendiri.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis :

Maksudnya : "Dari Abu Hurairah Radhiallahuanhu katanya : Aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Dalam semua perkara pada anak Adam yang akan menjadikan mereka tua ada dua perkara : sukakan dunia (tamakkan harta) dan panjang angan-angan." (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Sesungguhnya tidak semua kekayaan dan kemewahan itu menjanjikan kebahagiaan. Sebaliknya terdapat juga mereka yang hidup dalam serba kekurangan hidupnya tenang dan bahagia. Inilah kurnia dan nikmat yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya.

Ingatlah harta itu adalah perhiasan dan tipu daya dunia. Allah Subhanahu Wata'ala menguji manusia dengan harta dan kemewahan dan Allah Subhanahu Wata'ala juga menguji manusia dengan kemiskinan.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Kahfi ayat 46 :

Tafsirnya : "Harta dan anak pinak itu ialah perhiasan kehidupan dunia dan amalan-amalan soleh yang kekal itu lebih baik pahalanya di sisi Tuhanmu dan lebih baik menjadi harapan untuk kebahagiaan hidup di akhirat."

Tidak dapat dinafikan pada hakikatnya manusia itu suka kepada harta, akan tetapi agama

INGATLAH apabila sifat tamak bermaharajalela dalam diri seseorang, ia akan merasa tidak pernah cukup dengan apa yang diperolehinya. Ini akan menjadikan seseorang itu semakin tamak dan akan cairlah sifat-sifat qana'ah, syukur dan suka membantu dalam diri seseorang. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Aadiyaat ayat 8 : Tafsirnya : "Dan sesungguhnya cintanya kepada harta sangat berlebihan."

Islam menganjurkan agar kita bersifat zuhud, bersifat *qana'ah* dan sederhana dalam memiliki harta. Kerana sifat tersebut akan mewujudkan sifat pemurah, ikhlas, syukur dan tawaduk di dalam hati kita sehingga kita tidak mementingkan diri sendiri dan sentiasa mengamalkan sikap bantu-membantu.

Ingatlah, apabila sifat tamak bermaharajalela dalam diri seseorang, ia akan merasa tidak pernah cukup dengan apa yang diperolehinya. Ini akan menjadikan seseorang itu semakin tamak dan akan cairlah sifat-sifat *qana'ah*, syukur dan suka membantu dalam diri seseorang. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al 'Aadiyaat ayat 8 :

Tafsirnya : "Dan sesungguhnya cintanya kepada harta sangat berlebihan."

Akhirnya sama-samalah kita memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar kita termasuk dalam golongan orang yang bersifat *qana'ah* dan dijauhkan dari bersifat tamak kepada harta kekayaan serta tidak kedekut untuk bersedekah dan mengeluarkan zakat. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah At Taubah, ayat 34 :

Tafsirnya : "Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak yang tidak dikeluarkan zakatnya dan tidak membelanjakannya pada jalan Allah maka gembiralah mereka dengan azab yang pedih."

وقت سمبهيغ داعيره بروني موارا دان تمبوروغ ، امساك ، شوروق دان ضحي

وقت سمبهيغ ، امساك ، شوروق دان ضحي باغي داعيره بروني موارا دري هاري سبتو 17 اوقتيور 2015 برساماين دغن 4 محرم 1436 هيفغ كهار
جمعة 23 اوقتيور 2015 برساماين 10 محرم 1436 ادائه سقرت دباوه اين :

عشاء	مغرب	عصر	ظهر	ضحى	شوروق	صبح	امساك	هجريه محرم	هاري	مسيحي اوقتيور
7 . 16	6 . 07	3 . 24	12 . 07	6 . 29	6 . 05	4 . 48	4 . 38	4	سبتو	17
7 . 16	6 . 06	3 . 24	12 . 07	6 . 28	6 . 05	4 . 48	4 . 38	5	احد	18
7 . 16	6 . 06	3 . 25	12 . 07	6 . 28	6 . 05	4 . 48	4 . 38	6	اثنين	19
7 . 15	6 . 06	3 . 25	12 . 07	6 . 28	6 . 05	4 . 48	4 . 38	7	ثلاث	20
7 . 15	6 . 05	3 . 25	12 . 07	6 . 28	6 . 05	4 . 48	4 . 38	8	رابو	21
7 . 15	6 . 05	3 . 25	12 . 06	6 . 28	6 . 05	4 . 48	4 . 38	9	خميس	22
7 . 15	6 . 05	3 . 25	12 . 06	6 . 28	6 . 05	4 . 47	4 . 37	10	جمعة	23

وقت ٢ سمبهيغ باغي داعيره توتوغ دتميه ساتو ميئيت دان داعيره بلايت دتميه تيف ميئيت دان سمبهيغ فرض جمعة دستوروه نكارا بروني دارائسلا
دمولاعي دري فوكول 12.45 تغه هاري ال

Warta Mukim Berakas 'A' wajar dicontohi



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji A.Ahmad bin Husin, penghulu pertama bagi Mukim Berakas 'A'.

Oleh : Norlia Md. Zain
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Mohd. Mahdi Haji Marsidi

MUKIM Berakas 'A' merupakan antara sebuah dari 17 mukim yang terdapat di Daerah Brunei dan Muara di negara ini. Selaras dengan pertumbuhan penduduk dan perkembangan infrastruktur dari tahun ke tahun, Mukim Berakas telah mula dipecahkan kepada Mukim Berakas 'A' dan 'B' pada tahun 1996. Penghulu pertama bagi Mukim Berakas 'A' adalah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji A.Ahmad bin Husin, sementara penghulu pertama bagi Mukim Berakas 'B' ialah Allahyarham Haji Ismail bin Apong.

PROFIL

Seramai sembilan orang ketua kampung yang bernaung di dalam

Mukim Berakas 'A'. Kampung-kampung yang terdapat di dalam Mukim Berakas 'A' ialah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Lambak Kiri dan kawasan sekitarnya, Kampung Lambak 'A', Kampung Lambak 'B', Kampung Pancha Delima / Anggerek Desa, Kampung Orang Kaya Besar Imas / Pulaie, Kampung Jaya Setia / Jaya Bakti, Kampung Burong Pingai Berakas, Kampung Delima Satu dan Kampung Serusop. Menurut Laporan Awal Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2011, Negara Brunei Darussalam, Mukim Berakas mempunyai 31,180 orang penduduk dengan 5,321 buah tempat kediaman.

Mukim ini juga menikmati banyak kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan seperti masjid, sekolah-sekolah, klinik, bekalan air, elektrik, telefon dan jalan raya. Kemajuan dari segi infrastruktur di mukim ini juga nampak menonjol dengan adanya bangunan-bangunan kerajaan dan pelbagai bangunan pusat membeli-belah yang sering menjadi tumpuan orang ramai.

Menurut Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji A.Ahmad, selaku Penghulu Mukim Berakas 'A', antara produk-produk yang dihasilkan terdapat di mukim ini ialah kain tenunan, pembuatan songkok, kuih-muih dan kimpalan (*welding*). Tambah Yang Berhormat lagi, antara perusahaan yang sering menjadi tumpuan di mukim ini ialah menyewa pakaian pengantin.

Salah sebuah kampung yang terdapat di mukim ini juga pernah terpilih menyertai Anugerah Kampung Cemerlang peringkat kebangsaan iaitu Majlis Perundingan Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Lambak Kiri. Kampung ini telah memperkenalkan produk Minyak Tamu Lawak pada anugerah tersebut. Produk ini telah berjaya mendapat banyak permintaan sama ada dari dalam mahupun luar negeri yang mana ia sering digunakan sebagai minyak urut.

Produk-produk Mukim Berakas 'A' juga pernah dipamerkan sempena keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Penyempurnaan Penganugerahan



WARTA Mukim Berakas 'A' telah dilancarkan pada 29 Januari 1997 oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara ketika itu, Dato Paduka Haji Mohd. Kassim bin Haji Johan. Warta ini memaparkan bahan-bahan berita mengenai aktiviti-aktiviti sekitar Mukim Berakas 'A'. Warta ini merupakan antara media maklumat Penghulu dan ketua-ketua kampung Mukim Berakas 'A' dalam mengetengahkan kegiatan-kegiatan yang diadakan di samping memuatkan sejarah-sejarah dan kejayaan yang dicapai oleh penduduk kampung.

Anak-Anak Kunci Rumah dan Rumah Teres Meragang, Rumah Kembar serta Rumah Teres Tanah Jambu dan Kampung Panchor (Mengkuabau) di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) serta Rumah Kembar dan Rumah Teres Kampung Mata-Mata (Katok 'B') serta Rumah Teres Kampung Lugu di bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) bagi Daerah Brunei dan Muara, pada 24 Januari 2015. Pameran itu diadakan di rumah Ketua Kampung Pancha Delima / Kampung Anggerek Desa, iaitu Awang Haji Zulkifli bin Haji Awang Ya'akub yang juga Pemangku Ketua Kampung Orang Kaya Besar Imas / Pulaie, iaitu sejurus selepas menganugerahkan anak-anak kunci rumah.

Antara produk Majlis Perundingan Mukim (MPM) Berakas 'A' yang mendapat perhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika itu ialah ubat-ubatan tradisional, kuih-muih tempatan, songkok dan kain songket.

Sebagai Ahli MMN, Yang Berhormat juga aktif meninjau perkembangan kampung di dalam mukim yang ditadbirnya misalnya mengadakan Majlis Ramah Mesra dan Sesi Dialog Penghulu dan Ketua Kampung, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) di Mukim Berakas 'A' dan Mukim Berakas 'B' Bagi Zon I yang telah berlangsung pada 30 Disember tahun lalu. Tujuan majlis itu adalah bagi mendengar dan menerima pandangan dan nasihat serta permasalahan yang ada sekiranya dapat disampaikan dan diterima pada Persidangan MMN. Ia juga adalah bagi membincangkan dan melahirkan idea dalam usaha untuk mendapatkan maklumat dan pandangan yang boleh memberikan sumbangan ke arah meningkatkan kemajuan mukim kampung, kawasan, daerah dan negara.

Mukim ini juga aktif dalam mempersembahkan kesenian melayu



Brunei seperti berdongang, syair, deklamasi puisi, tarian asli, lagu-lagu Melayu asli bagi mempertahankan dan mengangkat martabat kebudayaan orang-orang Brunei. Antara lagu-lagu asli yang diperkenalkan ialah Ting kumala tikus, Usin satu sen jadi seratus, Perapat buahnya buntar, Linggayung buah bangkita, Kalau rapat jangan diunjar, Cucu marhum anak pendeta dan Bang inambang telayu-layu utai.

Sementara itu, bagi menyemai rasa patriotik terhadap negara, penduduk Mukim Berakas 'A' juga pernah mengadakan Upacara Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-29 Tahun yang berlangsung di kawasan lapang Sekolah Rendah Datu Mahawangsa Lambak.

WARTA MUKIM BERAKAS 'A'

Mukim Berakas 'A' sungguh bertuah kerana mempunyai seorang penghulu yang mempunyai minat mendalam di dalam bidang penulisan. Bakat yang ada tidak disia-siakan dengan adanya usaha menerbitkan Warta Mukim Berakas 'A' yang rasanya tidak banyak mukim yang mampu berbuat demikian.

Tambahan lagi mukim ini juga aktif mengadakan acara-acara sama ada pada peringkat mukim atau pun kampung membuatkan warta ini dapat di isi dengan bahan-bahan berita mengenai aktiviti-aktiviti tersebut.

Warta Mukim Berakas 'A' telah dilancarkan pada 29 Januari 1997 oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara ketika itu, Dato Paduka Haji Mohd. Kassim bin Haji Johan. Warta ini memaparkan bahan-bahan berita mengenai aktiviti-aktiviti sekitar Mukim Berakas 'A'. Warta ini merupakan antara media maklumat penghulu dan ketua-ketua kampung Mukim Berakas 'A' dalam mengetengahkan kegiatan-kegiatan yang diadakan, di samping memuatkan sejarah-sejarah dan kejayaan yang dicapai oleh penduduk kampung.

Bermula dengan cetakan hitam putih dan sekarang berwarna, warta yang mengandungi 12 muka surat ini lazimnya dicetak sebanyak 3,000 naskah dengan perbelanjaan sendiri yang kemudiannya diagih-agihkan kepada ketua-ketua kampung, para penduduk dan juga jabatan-jabatan kerajaan.

Dengan adanya usaha menerbitkan warta ini, mudah-mudahan ia dapat menjadi pendorong kepada mukim-mukim yang lain kerana ia boleh menjadi penyambung maklumat kepada para penduduk kampung dan menjadi ristaan kepada anak bangsa.



PENDUDUK Mukim Berakas 'A' juga pernah mengadakan Upacara Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-29 tahun yang berlangsung di kawasan lapang Sekolah Rendah Datu Mahawangsa Lambak.



SEBAHAGIAN daripada Warta Mukim Berakas 'A' yang telah terbit.

Teliti, perbaiki strategi penilaian sekolah



PEMANGKU Pengarah Sekolah-Sekolah, Awang Zaman bin Haji Gapar semasa berucap pada Majlis Perasmian Seminar Pelan Kerja 2016 - 2017 bertempat di Teater Multimedia, Pusat Tingkatan Enam Sengkurong.

MUKIM SENGKURONG, Rabu, 21 Oktober. - Di antara matlamat Wawasan Negara 2035 adalah bagi mentransformasikan Negara Brunei Darussalam, di samping menjadikannya sebagai sebuah negara yang dikenali dengan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi.

Bagi mencapai hasrat tersebut, Kementerian Pendidikan telah menggariskan lima bidang fokus utama iaitu Kepimpinan; Pengajaran dan Pembelajaran; Kehadiran dan Faktor Sosial; Akauntabiliti dan Pengurusan Prestasi serta Pemboleh Berjalin (Cross Cutting Enablers).

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Awang Zaman bin Haji Gapar pada Majlis Perasmian Seminar Pelan Kerja 2016 - 2017 bertempat di Teater Multimedia, Pusat Tingkatan Enam Sengkurong, di sini.

Lima bidang fokus tersebut, jelasnya, adalah elemen yang sangat penting dalam memberikan panduan kepada semua pemimpin sekolah ke arah mencapai sasaran Kementerian Pendidikan.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

Beliau turut mengesyorkan kepada semua pemimpin sekolah agar sentiasa berusaha memahaminya sekali gus menjiwai kelima-lima bidang fokus tersebut dengan memberikan penekanan kepada keberkesanan kepimpinan serta pembelajaran dan pengajaran.

"Ini adalah kerana kedua-dua bidang tersebut merupakan nilai teras kepada peningkatan kualiti pendidikan yang merupakan peranan penting semua pemimpin sekolah," ujarnya.

Walaupun bagaimanapun, tambahnya, pada masa yang sama kita juga perlu menitikberatkan kepentingan bidang fokus yang lain iaitu kehadiran dan faktor sosial.

"Pada masa ini telah banyak usaha yang telah dilaksanakan di pelbagai peringkat sama ada di jabatan dan juga di sekolah-sekolah. Misalnya pihak Institut Kepimpinan, Inovasi dan Kemajuan (ILIA), Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan kerjasama Bahagian Perkembangan dan Sumber Tenaga Manusia telah giat melaksanakan program-program latihan kepada pemimpin-pemimpin sekolah seperti Brunei Head Teacher Licensing Programme dan Mentoring and Coaching for School Leaders yang mana diharap akan dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta keyakinan para pemimpin sekolah dalam mengurus serta mentadbir sekolah dengan baik dan berkesan.

Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah juga, tambahnya, telah melaksanakan beberapa siri latihan dan bengkel Brunei Teacher Standard / Penilaian Prestasi Guru (TPA), kepada semua pasukan pentadbir sekolah, iaitu dalam usaha ke arah mentransformasikan para pengetua agar menjadi pemimpin yang instruksional.

"Di peringkat Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) pula, beberapa program juga diunkayahkan bagi membantu sekolah ke arah meningkatkan pencapaian GCE 'O' Level, iaitu seperti Program MP3 bagi pelajar Tahun 10 di mana pelajar diberikan bimbingan dan dipantau pencapaian akademik mereka dari semasa ke semasa sehingga mereka menduduki peperiksaan GCE 'O' Level di Tahun 11," terang Awang Zaman.

Menurut beliau, setakat ini program

berkenaan telah menunjukkan potensi yang sangat baik dalam membantu sekolah meningkatkan pencapaian akademik di sekolah-sekolah.

Beliau seterusnya menyarankan para pemimpin sekolah supaya memikirkan, meneliti dan memperbaiki strategi-strategi penilaian dalam sekolah dengan melaksanakan penyelarasan bagi meningkatkan standard dan kualiti penilaian dalaman, di samping melaksanakan *work review* dan *target setting* dari semasa ke semasa

bagi mempertingkatkan kualiti pencapaian dari satu penilaian ke penilaian seterusnya.

Pemimpin sekolah, tegasnya, perlu memperkukuhkan lagi kemahiran dan pengetahuan dalam pencerapan dan maklum balas bagi meningkatkan prestasi pengajaran guru-guru dengan mengadakan sesi pencerapan yang sistematik, selain meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran para pelajar melalui aktiviti Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIGB) dan sesi perjumpaan sistematik dan terarah.

Seminar selama dua hari yang bertemakan 'Ke Arah Mencapai Sasaran 60 Peratus, 5 'O' Level dan Ke Atas; 70 Peratus 3 'A' Level Pada

Tahun 2017' antara lain bertujuan bagi menggalak dan memberikan ruang kepada para pemimpin sekolah untuk merancang dan menyediakan pelan kerja atau pelan strategi yang ampuh ke arah mencapai sasaran Kementerian Pendidikan dalam Peperiksaan GCE 'O' dan GCE 'A' Level pada Tahun 2016 dan 2017.

Seminar tersebut dihadiri oleh pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan, pengetua-petgetua dan timbalan-timbalan pengetua sekolah-sekolah yang dianjurkan bersama oleh JSS, Kementerian Pendidikan dan pengetua-petgetua timbalan pengetua sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab kerajaan (JAPTIM).



PEMANGKU Pengarah Sekolah-Sekolah, Awang Zaman semasa hadir selaku tetamu kehormat dalam Majlis Perasmian Seminar Pelan Kerja 2016 - 2017.



SEBAHAGIAN daripada pengetua dan timbalan pengetua yang menghadiri seminar tersebut.



PEMANGKU Pengarah Sekolah-Sekolah bergambar kenangan bersama-sama para pengetua dan timbalan pengetua sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab kerajaan seluruh negara yang mengikuti seminar tersebut.

Berhijrah kepada lebih baik



TIMBALAN Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Adanan bin Haji Basar hadir selaku tetamu kehormat majlis.



MAJLIS dihadiri oleh para pegawai utama, pensyarah, pegawai dan kakitangan serta mahasiswa-mahasiswi KUPU SB.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Oktober. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) mengadakan Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1437 yang berlangsung di Dewan Tarbiyah kolej berkenaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar.

Majlis sambutan diisikan dengan Ceramah Khas mengenai 'Hijrah' yang disampaikan oleh Penolong Pensyarah Fakulti Pendidikan, Awang Hilmy Baihaqy bin Haji Yusof.

Sebelumnya, bacaan Asmaa Al-Husna dan Surah Al Faatihah dibacakan oleh Exco Kesenian dan Kebudayaan Islam KUPU SB, Awang Ashizal bin Zainal Abidin.

Awang Hilmy Baihaqy dalam ceramahnya antaranya menceritakan mengenai peristiwa hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah ke Madinah

Al-Munawarah yang diketahui melalui tulisan-tulisan kitab.

Pandangan orang Barat dan para orientalis mengenai Islam dan penghijrahan Rasulullah, ujarinya, juga perlu diketahui kerana jika kita tidak memahami pemikiran mereka tersebut, kita tidak akan dapat mengembangkan pemikiran, mengadakan dialog dan berdakwah.

Menurutnya lagi, antara kemukjizatan penghijrahan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah mengenai peristiwa seorang wanita yang mempunyai seekor lembu yang sudah lama tidak mengeluarkan susu akhirnya dapat mengeluarkan susu dengan banyaknya berkat daripada Baginda Rasulullah yang memperlihatkan keagungannya.

Peristiwa hijrah adalah peristiwa amat penting bagi umat Islam untuk merubah atau mentransformasi diri daripada yang baik kepada yang lebih baik yang merupakan perkara yang berkait rapat dengan amal ibadah umat Islam.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Selain sebagai aktiviti tahunan KUPU SB, majlis ini juga dihasratkan untuk mengeratkan hubungan silaturahim dan kerjasama dalam kalangan warga KUPU SB, mengenang sejarah penubuhan kolej berkenaan dan memohon kesyukuran serta keberkatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, selain menyemarakkan ketibaan Awal Tahun Hijrah.

Juga hadir ialah para pegawai utama, pensyarah, pegawai dan kakitangan serta mahasiswa-

mahasiswi KUPU SB.

Dalam acara berasingan, Majlis Tahlil di Kubah Makam Diraja juga diadakan di Kampung Tamoi bersempena ulang tahun ke-9 penubuhan kolej berkenaan.

PERISTIWA hijrah adalah peristiwa amat penting bagi umat Islam untuk merubah atau mentransformasi diri daripada yang baik kepada yang lebih baik yang merupakan perkara yang berkait rapat dengan amal ibadah umat Islam.



CERAMAH Khas mengenai 'Hijrah' disampaikan oleh Penolong Pensyarah Fakulti Pendidikan, Awang Hilmy Baihaqy bin Haji Yusof.

Mulakan kerja dengan zikir

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Oktober. - Sebelum memulakan sebarang pekerjaan atau melakukan sesuatu, sebaiknya mulailah dengan zikir istighfar kerana ia boleh membantu kita agar sentiasa muhasabah diri dan bersyukur di atas

apa jua yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita.

Demikianlah antara isi ceramah yang disampaikan oleh Penolong Pensyarah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Haji



ANTARA guru dan pelajar yang hadir ke majlis tersebut.



PENDAFTAR Politeknik Brunei, Dayang Erani binti Haji Ibrahim hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.

Khairul Nazif bin Haji Awang Damit pada Majlis Sambutan Awal Tahun Baharu Hijrah 1437 Politeknik Brunei yang diadakan di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), di sini.

Ceramah bertajuk 'Muhasabah Diri, Allah Sayang Saya' itu juga sedikit sebanyak menyentuh mengenai dengan penghijrahan seseorang itu untuk menjadi Muslimin atau Muslimah sejati yang sentiasa

menginsafkan diri, memohon doa dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Hadir selaku tetamu kehormat dalam majlis tersebut ialah Pendaftar Politeknik Brunei, Dayang Erani binti Haji Ibrahim.

Majlis anjuran bersama Alumni Politeknik Brunei dan Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Brunei itu dihadiri oleh kira-kira 100 orang

terdiri daripada ketua-ketua jabatan, ketua-ketua sekolah, para pensyarah, kakitangan dan para pelajar.

Turut menyerikan majlis ialah Persembahan Tilawah Al-Qur'an yang disampaikan oleh pemenang tempat ketiga Pertandingan Musabaqah Tilawatil Al-Qur'an Belia Asia Tenggara bagi Tahun 1436H, Awangku Adi Nazri bin Pengiran Jofri, pelajar pengambilan Ke-5 Sekolah Perdagangan Politeknik Brunei.



PENOLONG Pensyarah UNISSA, Awang Haji Khairul Nazif bin Haji Awang Damit semasa menyampaikan ceramahnya.

BIBD CE ALAF umum rakan kongsi

Oleh : Hajah Norizan Mahal, Mariani Haji Abd. Ghani.
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Oktober. - Ekspedisi Amal adalah salah satu dari aktiviti-aktiviti mengumpul dana di bawah inisiatif ALAF yang bermaksud 'Menggalakkan Pembelajaran Sepanjang Hayat bagi Cita-Cita Masa Depan' yang merupakan program utama Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) di bawah Tanggungjawab Korporat Sosial.

BIBD mengumumkan rakan kongsi baharu ke dalam BIBD CE ALAF (Charity Expedition for Advocating Life-Long for an Aspiring Future Programme) 2015, hari ini.

Fajr Capital (Dubai) dan Silverlake (Malaysia) telah turut serta sebagai Penaja Platinum ke Program ALAF, manakala Kristal FM dan Radio Televisyen Brunei telah menandatangani sebagai rakan kongsi Penyiar Rasmi Radio dan Penyiar Rasmi Televisyen bagi membantu meningkatkan kesedaran mengenai CE ALAF serta usaha lain yang berkaitan dengan acara tersebut.

BIBD mengalu-alukan rakan kongsi baharu, Progresif Cellular Sdn. Bhd. (PCSB) yang telah bersetuju untuk menyumbangkan pelan langganan satu tahun (60 Pelan Pascabayar - *postpaid*) dan telefon bimbit sebagai hadiah cabutan bertuah, bersama-sama dengan kemeja 'T', pada masa yang sama, PCSB juga akan menyediakan khidmat sukarelawan untuk acara ALAF itu.

Pusat Strok Neuroscience dan Rehabilitasi Brunei (BSRC) bersama-sama dengan Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) juga akan menganjurkan satu Musical Broadway bertajuk 'Sebuah Perjalanan' sebagai sebahagian aktiviti kumpulan Therapeutic bagi para pesakit strok dan kanser, hasil penjualan tiket tersebut akan didermakan kepada Program ALAF BIBD.

Sementara itu, sebagai Rakan Rasmi Syarikat Penerbangan, RB akan menyediakan tiket pergi balik kelas ekonomi ke Melbourne dan Bangkok setiap satu pemenang 21 kilometer dan 10 kilometer, Kategori Lelaki dan Perempuan Brunei.

BIBD juga mengalu-alukan sokongan dari agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Perkhidmatan Elektrik bersama-sama dengan Jabatan Kastam

dan Eksais Diraja ke arah Ekspedisi Amal.

Ketua Korporat Tanggungjawab Sosial BIBD, Dayang Hajah Nurul Akmar binti Haji Mohd. Ja'afar mengulas sokongan yang amat menggalakkan untuk mendapat bukan sahaja bagi ekspedisi amal, malahan juga kepada program ALAF.

Beliau berterima kasih kepada semua yang terlibat, terutama sekali para penaja dan sukarelawan.

Para penaja baharu termasuk Kingston Beverage & Creamery (Official Isotonic Drink Partner), Red Bull (Official Energy Drink Partner), Polar Brunei (Official Timing Partner), Missha (Official Beauty and Skin Care Partner), The Marathon Shop (Running Store and Shoe Partner), D'Sunlit (Contractor Partner), Brunei Press (Media Partner), Plus Magazine (Magazine Partner), Active Network (Official Administrative Partner), Dsignku (Creative Partner), Adxpert Marketing (Event Management Partner), Aewon Brunei (Apparel Partner), Ranoadidas (Blogger Partner) dan Victory Athletes (Fitness Partners).

CE ini merupakan salah satu dari idea-idea strategik penting bagi mengumpul dana bagi mengekalkan ALAF sebagai inisiatif jangka panjang.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman telah melancarkan Program ALAF pada Mei 2013 lalu dan ia dibangunkan dengan kerjasama rapat dengan Kementerian Pendidikan yang akan membawa kepada usaha yang berterusan dan kerjasama erat di antara kedua-dua pihak bagi memastikan kejayaan pelaksanaan dan peruntukan bantuan kepada program tersebut.

Pada masa yang sama, program ALAF itu juga disokong oleh Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan kini mempunyai hampir seratus pelajar di bawah jagaannya.

Program ALAF itu menyediakan akses kepada pelajar yang terpilih dengan peruntukan-peruntukan bagi yuran sekolah dan tuisyen, bahan-bahan pendidikan dan kebajikan, serta bimbingan dan keperluan kaunseling untuk membantu memastikan



KETUA Pusat Strok Neuroscience dan Rehabilitasi Brunei (BNSRC), Vivian Suk Kee Tie semasa mengongsikan tujuan BNSRC menjadi rakan untuk Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) CE ALAF (Charity Expedition for Advocating Life-Long for an Aspiring Future Programme) 2015.

komitmen utama pelajar-pelajar ini di dalam pendidikan mereka.

Seterusnya akan memberi sokongan dan bantuan kepada pelajar-pelajar tersebut memenuhi keperluan-keperluan pendidikan masing-masing.

Melalui ALAF, BIBD berharap untuk menyelaraskan sokongan visi 2035 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mendapatkan tahap 100 peratus pendidikan kepada semua orang dan seterusnya diharapkan dapat

membantu mengurangkan kemiskinan, menjadikan negara ke arah masa depan yang lebih makmur dan aman, penduduk sebagai individu yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, sejajar dengan standard yang ditetapkan di peringkat antarabangsa.

Orang ramai dialu-alukan menyumbang ke dalam kumpulan wang BIBD ALAF boleh berbuat demikian dengan sumbangan minimum BND1.01 ke dalam akaun BIBD ALAF di 1018181811.

Selain itu, orang ramai boleh menggunakan saluran BIBD sedia ada dalam laman sesawang BIBD Online, aplikasi BIBD Mobile, BIBD ATM dan CDM dan kaunter Cawangan BIBD serta membuat sumbangan bulanan ke dalam kumpulan wang ALAF itu.

Dan sebagai tambahan pemegang akaun BIBD juga boleh menggunakan terkumpul Mata BIBD HADIAH mereka untuk penukaran wang tunai ke dalam caruman ke dalam akaun kumpulan wang ALAF.



BIBD CE ALAF 2015 memperkenalkan dua rakan baharu untuk menjayakan acara amal yang terdiri dari BNSRC dan Progresif Cellular Sdn. Bhd. (PCSB) pada Majlis Bersama Media Tempatan di bangunan Ibu Pejabat BIBD di Bandar Seri Begawan.



MAJLIS diakhiri dengan sesi bergambar ramai rakan kongsi baharu BIBD CE ALAF 2015.

Jaga prestasi dan prestij Sekolah Pegawai Kadet

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Masri Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM dan Jeneral ABDB ketika berkenan berangkat ke Mes Pegawai Perkhemahan Sungai Akar bagi Majlis Santap Ringan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bersabda, menyeru semua pihak terutama pengurusan tertinggi Akademi Pertanian (AP), ABDB supaya sentiasa berusaha menjaga prestasi dan prestij Sekolah Pegawai Kadet sesuai dengan wawasan sekolah sebagai Pusat Kecemerlangan dalam melahirkan pegawai-pegawai yang berkualiti tinggi.

Perancangan sumber tenaga manusia, sabda Duli Yang Teramat Mulia, harus diatur dengan lebih sistematik demi melahirkan barisan pelapis dan pemilihan jurulatih-jurulatih yang layak dan berwibawa.

Bersabda pada Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-13 Sekolah Pegawai Kadet, AP,

ABDB, di Perkhemahan Sungai Akar, DYTМ juga menyentuh mengenai jalinan hubungan rapat dengan negara-negara sahabat yang juga merupakan satu aspek dalam menjaga keselamatan serantau dan antarabangsa.

"Kita akan terus memupuk kerjasama terutama atas dasar kepentingan bersama dan *inter-dependency* bagi menjaga keselamatan serantau," sabda DYTМ.

Menurut sabda DYTМ lagi, inisiatif-inisiatif atau program-program ke arah mempertingkatkan diplomasi pertahanan perlu diperluaskan bukan sahaja di peringkat strategik bahkan juga di peringkat taktikal.

Menyebut mengenai kerjasama dua hala, DYTМ turut difahamkan bahawa Sekolah Pegawai Kadet telah maju setapak lagi di mana latihan kepimpinan dua hala dengan negara New Zealand telah diungkayahkan pada tahun ini.

Ia, sabda DYTМ, bertujuan untuk meningkatkan lagi nilai latihan melalui pendedahan kepada

pengalaman dan kaedah pembelajaran yang baru.

"Latihan seumpama ini dipercayai akan melahirkan pemimpin tentera yang peka kepada 'best practices', teknik operasi yang lebih mantap dan budaya serta etika kerja angkatan tentera yang lebih baik," tambah sabda DYTМ.

Sabda DYTМ, penempatan AP ABDB ke prasarana yang baru dengan fasiliti yang canggih dan moden di Kampung Tanah Jambu, juga menggambarkan perkembangan yang signifikan.

DYTМ turut percaya bahawa dengan adanya fasiliti tersebut suasana pembelajaran dan latihan akan lebih kondusif serta meletakkannya sebagai institusi latihan ketenteraan terkenal di rantau ini.

Sempena upacara pentauliahn tersebut, DYTМ juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga AP, khususnya Komandan, Pegawai Pemerintah, Colour Sergeant dan pegawai-pegawai dan jurulatih-jurulatih yang bertungkus lumus melatih dan mendidik Pegawai-pegawai Kadet sehingga sampai ke tahapnya.

DYTМ juga bersabda, mengucapkan tahniah kepada para ibu bapa serta keluarga Pegawai-pegawai Kadet yang telah banyak berkorban dan memberikan sokongan bagi kejayaan Pegawai-pegawai Kadet berkenaan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan mengurniakan sabda pada Upacara Sovereign's Parade Sekolah Pegawai Kadet Pengambilan Ke-13.



DULI Yang Teramat Mulia menerima tabik hormat diraja dan seterusnya memeriksa pasukan perbarisan terdiri daripada Kawalan Kehormatan Statik sejurus tiba di Upacara Sovereign's Parade Bagi 27 Pegawai Kadet Pengambilan Ke-13 Sekolah Pegawai Kadet.



DYTМ berkenan memeriksa barisan hormat Sovereign's Parade Pengambilan Ke-13 terdiri daripada 15 Pegawai Kadet Lelaki dan 12 Pegawai Kadet Wanita. Juga menyertai perbarisan termasuk bakal Pegawai Kadet daripada Pengambilan Ke-14 Sekolah Pegawai Kadet.

Sentiasa amalkan prinsip *servanthood* dalam kepimpinan

Dari muka 1

Terdahulu dalam, sabdanya, DYTМ menyifatkan bahawa pengurniaan tauliah sebagai Pegawai Tentera adalah satu amanah negara dan tanggungjawab murni yang menghendaki pengorbanan dan komitmen yang berterusan.

Sabda DYTМ lagi, ini kerana tanggungjawab menjaga keselamatan dan pertahanan negara terletak di bahu Pegawai Kadet yang bakal mewarisi kepimpinan ABDB.

Justeru, DYTМ bersabda, melahirkan harapan dengan pengurniaan tauliah tersebut akan dapat dijadikan asas bagi memantapkan lagi tahap fizikal, mental, spiritual dan intelektual

setiap Pegawai Kadet.

"Hasrat kita adalah jelas untuk melahirkan modal insan yang terurus rapi atau *well organized; professional* dan memiliki keyakinan diri atau *self-confidence* yang tinggi di dalam institusi pertahanan negara," sabda DYTМ.

Individu yang berkeyakinan tinggi, tambah DYTМ, akan berusaha dengan lebih gigih dan menggunakan sebaiknya keupayaan berfikir secara analitikal dalam mencari penyelesaian.

Di samping itu, sabda DYTМ menambah, mereka tidak mudah berputus asa apabila melakukan apa jua tugas biarpun adanya pelbagai cabaran dan permasalahan yang timbul.

Keberangkatan DPMM ke Upacara Sovereign's Parade

Oleh : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Masri Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan berangkat ke Upacara Sovereign's Parade Bagi 27 Pegawai Kadet Pengambilan Ke-13 Sekolah Pegawai Kadet, Akademik Pertahanan (AP) ABDB, di Padang Kawad Sekolah Pegawai Kadet, Perkhemahan Sungai Akar.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di hadapan Markas Sekolah Pegawai Kadet AP ABDB dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat dan Pemerintah ABDB, Yang Dimulainya Pehin Dato Pekema Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah.

Sejurus keberangkatan tiba, DYTМ berkenan menerima tabik hormat diraja dan seterusnya memeriksa pasukan perbarisan terdiri daripada Kawalan Kehormatan Statik dan Sovereign's Parade terdiri daripada 15 Pegawai Kadet Lelaki dan 12 Pegawai Kadet Wanita di bawah perintah Pegawai Perbarisan, 887 Leftenan Rosfadhly bin Haji Rosli dari Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB).

Juga menyertai perbarisan termasuk bakal Pegawai Kadet yang masih menjalani latihan daripada pengambilan ke-14 di sekolah berkenaan.

Upacara yang dilaksanakan mengikut tradisi ketenteraan itu disusuli dengan perbarisan berjalan lalu dalam masa perlahan dan cepat, diikuti perbarisan beratur semula dan perbarisan mara ke hadapan.

Pada upacara itu, DYTМ juga

berkenan mengurniakan sabda dan berkenan mengurniakan anugerah-anugerah kepada Pegawai Kadet Terbaik dalam setiap jurusan bagi pengambilan ke-13 sekolah ini.

Mendahului pengurniaan anugerah ialah Anugerah Pedang Kehormatan (Sword of Honour) kepada 21750 Pegawai Kadet, Dayang Auni 'Afifah @ Yummi binti Haji Ali Hassan yang berkelulusan MA Syariah and Law dari Universiti Malaya, Malaysia dan juga seorang penerima biasiswa Pemerintah Tertinggi (Supreme Commander).

Penerima Anugerah Pedang Kehormatan merupakan anugerah penghormatan tertinggi bagi seorang Pegawai Kadet yang mana ia dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan Pemerintah Tertinggi ABDB dan merupakan simbol tonggak kecemerlangan keseluruhan terbaik bagi Pegawai Kadet yang mempunyai pencapaian tertinggi di dalam latihan asas ketenteraan, akademik, fizikal dan latihan fasa jurusan perkhidmatan dalam semua aspek.

Di samping itu, penerima anugerah ini juga dinilai dari segi kepimpinan, komitmen serta menunjukkan keperibadian yang positif dari awal hingga akhir latihan Pegawai Kadet tersebut di Sekolah Pegawai Kadet AP ABDB.

Selepas ditauliahkan sebagai Pegawai Tentera, beliau akan ditempatkan sebagai Pegawai Tadbir, Leadership Management Centre, AP ABDB.

DYTМ juga berkenan mengurniakan Anugerah Terbaik Akademik kepada 21751 Pegawai Kadet, Dayang Qurratu'aini Qayyimah binti Dr. Al-Haj Zelzy yang berkelulusan MRes Criminology and Socio-Legal Studies dari University of Manchester, United Kingdom.

Anugerah yang dikurniakan kepada Pegawai Kadet ini kerana berjaya mendapat keputusan tertinggi bagi keseluruhan pelajaran akademik, manakala penilaian anugerah ini berdasarkan kepada pencapaian aspek akademik keseluruhan yang bermutu tinggi yang merangkumi penulisan esei, penyampaian taklimat, peperiksaan dan pengetahuan luas dalam hal ehwal semasa.

Penerima anugerah ini juga dinilai berdasarkan kepada keputusan keseluruhan akademik yang cemerlang di sepanjang penilaian akademik semasa kursus.

Selepas ditauliahkan sebagai pegawai tentera, beliau akan ditugaskan sebagai Pegawai Dalam Latihan di Kapal Diraja Brunei DARULEHSAN, TLDB.

Sementara Anugerah Terbaik Kemahiran Tentera pula diterima oleh 50996 Pegawai Kadet, Awang Muhamad Fairuz bin Rosli yang berkelulusan BA Malay Literature dari Universiti Brunei Darussalam.

Anugerah yang dikurniakan ini diberikan kepada Pegawai Kadet yang terbaik di dalam semua mata pelajaran Kemahiran Tentera.

Penilaian bagi anugerah ini pula berdasarkan peratus keseluruhan yang tertinggi pada semua mata pelajaran Kemahiran Tentera.

Selepas ditauliahkan sebagai pegawai tentera, beliau akan ditugaskan sebagai Ketua Platoon di Kompeni 'B', Batalion Kedua, Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB).

Manakala penerima Anugerah Terbaik Ketahanan Latihan Jasmani dikurniakan kepada 21749 Pegawai

Kadet, Dayang Najihah binti Haji Abdul Hisab yang berkelulusan MA Comparative Literature daripada School of Oriental and African Studies, United Kingdom.

Anugerah yang beliau terima ini merupakan satu pengiktirafan berdasarkan pencapaian terbaik Pegawai Kadet dari segi pencapaian latihan jasmani yang cemerlang dalam sepanjang tempoh latihan dijalankan. Kriteria anugerah ini mestilah mempunyai daya ketahanan jasmani yang mantap, konsisten dan menunjukkan peningkatan yang positif dari semasa ke semasa di dalam semua latihan fizikal.

Selepas ditauliahkan menjadi Pegawai Tentera, beliau akan ditugaskan sebagai Pegawai Dalam Latihan di Kapal Diraja Brunei DARUSSALAM, TLDB.

Upacara diteruskan dengan bacaan Doa Selamat yang dibacakan oleh Penolong Ketua Jabatan Agama, ABDB, 761 Kapten Ariffin bin Amit.

DYTМ kemudian dijunjung berangkat ke Mes Pegawai Perkhemahan Sungai Akar bagi Majlis Santap Ringan diikuti dengan Majlis Junjung Ziarah daripada pegawai-pegawai kadet yang baru ditauliahkan iaitu 13 pegawai TDDB, tujuh pegawai Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) dan tujuh pegawai TLDB berserta keluarga.

Seterusnya DYTМ berkenan menerima pesambah 'Whidatul Alwanul Syuja'ah' yang bermaksud 'Kesepaduan Warna-Warna Keberanian' daripada Pegawai-pegawai Kadet pengambilan ke-13.

Pesambah ini melambangkan pengorbanan yang telah dilalui oleh setiap Pegawai Kadet pengambilan ke-13 dan keberanian yang telah mereka tunjukkan sepanjang latihan di Sekolah Pegawai Kadet.

Rekaan pesambah dari atas ke bawah adalah rekaan abstrak berani daripada Pegawai-pegawai Kadet dalam menunjukkan liku-liku perjalanan yang mereka lalui sepanjang tempoh latihan 12 bulan.

Sejurus menerima pesambah, DYTМ kemudiannya menerima 'Buku Perjalanan' yang disembahkan oleh salah seorang Pegawai Kadet yang telah ditauliahkan.

Buku tersebut merupakan sebuah buku yang dihasilkan oleh Pegawai-pegawai Kadet pengambilan ke-13, yang mana buku tersebut mendokumentasikan perjalanan latihan mereka sepanjang berada di Sekolah Pegawai Kadet.

Seterusnya DYTМ juga berkenan menandatangani Lembaran Kenangan Keberangkatan dan Buku Perjalanan Pegawai Kadet yang baru ditauliahkan serta berkenan menerima junjung ziarah daripada jurulatih-jurulatih dan pegawai-pegawai Sekolah Pegawai Kadet termasuk beberapa pegawai tentera dari negara-negara sahabat sebelum dijunjung bagi sesi bergambar ramai sebelum berangkat meninggalkan majlis.

Dalam pada itu, pentauliahkan Pegawai-pegawai Kadet ini juga merupakan tanggungjawab, amanah dan kepercayaan yang telah diberikan untuk menjadi pemimpin dan pengurus di dalam ABDB.

Oleh itu, tanggungjawab tersebut hendaklah dipikul dan dilaksanakan dengan penuh semangat, komitmen dan keikhlasan hati.

Dengan latihan dan penerapan ciri-ciri kepimpinan serta nilai-nilai teras Setia, Taqwa dan Berani, semasa menjalani latihan, hendaklah terus diamalkan agar dapat menjadi pemimpin yang berwibawa.

Pegawai-pegawai Kadet juga dituntut supaya akan sentiasa berusaha ke arah meningkatkan keupayaan masing-masing.

Sementara itu, Sekolah Pegawai



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan berangkat tiba ke Upacara Sovereign's Parade Bagi 27 Pegawai Kadet Pengambilan Ke-13 Sekolah Pegawai Kadet, Akademik Pertahanan (AP) ABDB, di Padang Kawad Sekolah Pegawai Kadet, Perkhemahan Sungai Akar.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menyempurnakan pengurniaan Anugerah Pedang Kehormatan (Sword of Honour) kepada 21750 Pegawai Kadet, Dayang Auni 'Afifah @ Yummi binti Haji Ali Hassan.



PERBARISAN lalu dari Pegawai Kadet (kiri), sementara gambar kanan, kalangan pegawai-pegawai tentera yang turut menghadiri upacara berkenaan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM dan Jeneral ABDB berkenan bagi sesi bergambar ramai sempena Upacara Sovereign's Parade Bagi Pegawai Kadet Pengambilan Ke-13.

Kadet telah berjaya menamatkan 52 minggu pertama Kursus Pentauliahkan dengan tambahan Kursus Kelayakan Pengurusan, yang telah melatih Pegawai-pegawai Kadet untuk menjalani latihan menembak semasa tiba di unit mereka.

Pada tahun ini, Sekolah Pegawai Kadet menyempurnakan Latihan Bersama yang pertama iaitu 'Eksesais Kepimpinan' yang melibatkan kakitangan dari angkatan TDDB, TLDB dan TUDB.

Tumpuan adalah Latihan Dua Hala antara Sekolah Pegawai Kadet AP ABDB dan Sekolah Pegawai Kadet New Zealand di kawasan latihan hutan Kampung Mariam.

Pada masa hadapan, Sekolah Pegawai Kadet akan meneruskan Latihan Antarabangsa Bersama untuk manfaat Negara Brunei Darussalam.



DYTМ berkenan menyempurnakan pengurniaan Anugerah Terbaik Kemahiran Tentera kepada 50996 Pegawai Kadet, Awang Muhamad Fairuz bin Rosli.



DYTМ berkenan menyempurnakan pengurniaan Anugerah Terbaik Akademik kepada 21751 Pegawai Kadet, Dayang Qurratu'aini Qayyimah binti Dr. Al-Haj Zelzy.



DYTМ berkenan memeriksa dan beramah mesra bersama Pegawai Kadet yang masih baru dalam latihan (kiri), sementara gambar kanan, DYTМ berkenan menerima 'Buku Perjalanan' yang disembahkan oleh salah seorang Pegawai Kadet yang telah ditauliahkan.



DYTМ berkenan menandatangani Lembaran Kenangan Keberangkatan (kiri), sementara gambar tengah, DYTМ berkenan beramah mesra dengan Pegawai Kadet yang baru ditauliahkan bersama keluarga. Manakala gambar kanan, DYTМ dijunjung berkenan bergambar kenangan bersama Pegawai Kadet yang baru menamatkan latihan.



Anak-anak yatim sentiasa dipedulikan

TUTONG, Sabtu, 17 Oktober. - Di atas dasar pemedulian dalam membantu anak-anak yatim negara ini, Persatuan Badan Kebajikan Isteri-Isteri Pegawai dan Kakitangan Wanita Kerajaan Brunei (BISTARI) telah mengadakan Majlis Penyerahan Derma Bagi Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Tutong dan Persatuan KACA Daerah Tutong.

Majlis berlangsung di kediaman isteri Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, Datin Hajah Naemah binti Haji Razali.

Sumbangan tersebut diterima oleh isteri Penolong Pegawai Daerah Tutong, Dayang Rusmah binti Haji Muksin dan juga Penolong Kanak-Kanak Cacat Terlatih Persatuan KACA Cawangan Daerah Tutong, Dayang Hajah Siti Arbi binti Ahmad.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Yang Dipertua BISTARI, Datin Hajah Asmah binti Haji Abdul Rahman dan Pengerusi Koperasi BISTARI Berhad, Datin



YANG Dipertua BISTARI, Datin Hajah Asmah binti Haji Abdul Rahman menyerahkan sumbangan yang diterima oleh isteri Penolong Pegawai Daerah Tutong, Dayang Rusmah binti Haji Muksin.

Hajah Masnah binti Haji Tuah serta ahli-ahli yang lain.

BISTARI telah ditubuhkan lebih 30 tahun lalu dan sepanjang



ISTERI Penolong Pegawai Daerah Tutong semasa mewakili bagi penerimaan derma untuk Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Tutong dan Persatuan KACA Daerah Tutong.

tempoh penubuhannya telah banyak menjalankan aktiviti amal dan kebajikan terutamanya bagi membantu ibu-ibu tunggal dan anak-anak yatim.

Perkhidmatan APTK terus dibarigakan

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Rabu, 21 Oktober. - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) mencatatkan terdapat sejumlah 12,524 pengangguran di negara ini.

Dari jumlah tersebut 4.5 peratus iaitu seramai 563 orang pengangguran terdapat di Daerah Temburong.

Ke arah memberi pendedahan kepada para pencari kerja tempatan akan terdapatnya pelbagai jenis pekerjaan di sektor swasta, Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja (APTK), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengadakan jerayawara mengenai APTK ke seluruh negara.

Bagi daerah ini, jerayawara diadakan di ruang legar, Kompleks Bangunan Bumiputera, Pekan Bangar, di sini.

Jerayawara mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang ramai termasuk pencari-pencari kerja dan para majikan sektor swasta yang ingin mendapatkan maklumat mengenai APTK termasuklah jawatan-jawatan kosong yang didaftarkan melalui laman sesawang agensi tersebut.

Semasa jerayawara itu juga para pencari pekerjaan berpeluang mendaftar dan seterusnya mengaktifkan akaun e-Darussalam, iaitu satu langkah yang perlu dilakukan

oleh para pencari pekerjaan sebelum mendaftar sebagai pencari kerja di laman sesawang APTK.

Menurut Penolong Pesuruhjaya Buruh, Dayangku Siti Khatizah binti Pengiran Haji Bakar, jerayawara dikhususkan bagi para pencari kerja tempatan dan majikan-majikan yang berminat untuk mendapatkan tenaga kerja tempatan.

Para pencari pekerjaan katanya hendaklah terlebih dahulu mempunyai akaun e-Darussalam sebelum mendaftar sebagai pencari kerja tempatan di laman sesawang JobCentre Brunei.

Jerayawara selama sehari itu bertujuan untuk membarigakan laman sesawang baru APTK, iaitu HYPERLINK <http://www.jobcentre-brunei.gov.bn> - www.jobcentrebrunei.gov.bn yang telah dilancarkan pada bulan Jun lalu kepada orang awam khususnya majikan di sektor swasta dan pencari kerja tempatan.

Selain itu, jerayawara juga adalah untuk menyesuaikan orang awam dengan tatacara pendaftaran, pengiklanan jawatan kosong, permohonan kerja dan permohonan perkhidmatan APTK secara online.

Jerayawara sedemikian diharap akan dapat menarik lebih ramai majikan mendaftar dan melaporkan

kekosongan jawatan di dalam sistem berkenaan untuk mengetengahkan anak-anak tempatan dalam mengisikan peluang-peluang pekerjaan, selain dapat memberikan kemudahan kepada para pencari kerja tempatan dan majikan untuk lebih mengetahui akan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh APTK.

Melalui jerayawara itu, para majikan di sektor swasta akan dapat meningkatkan kesedaran tentang pentingnya Perintah Pekerjaan 2009 iaitu undang-undang utama yang mengawal terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan di Negara Brunei Darussalam.

Dalam pada itu, sejak laman sesawang JobCentre Brunei dilancarkan, jumlah pencari kerja yang berdaftar semakin meningkat dari bulan Jun hingga Ogos di mana majoriti yang berdaftar adalah dari Daerah Brunei dan Muara, iaitu seramai 548 pencari kerja, diikuti oleh Daerah Belait seramai 13 pencari kerja, enam pencari kerja yang berdaftar di Daerah Tutong, manakala Daerah Temburong belum menerima sebarang pendaftaran melalui laman sesawang berkenaan.

Sementara itu, melalui portal online, pada bulan Jun mencatatkan sebanyak 29 (dua puluh sembilan) syarikat mengiklankan sebanyak 186 jawatan kosong.

Dari jumlah tersebut, 27 buah syarikat merupakan syarikat yang pernah berurusan dengan APTK (returning companies) dan selebihnya, iaitu dua buah syarikat lagi adalah yang baharu.

Majoriti daripada syarikat yang mengiklankan adalah daripada Industri Perdagangan dan Jual Runcit (Retail Traders / Wholesale and Retail Industry) dan keperluan syarikat.

Manakala pada bulan Julai pula jumlah syarikat mengiklankan jawatan kosong menurun kepada 17 buah syarikat dan sebanyak 144 jawatan kosong telah diiklankan.

Dari jumlah syarikat tersebut, 13 buah syarikat adalah returning companies dan empat buah syarikat baharu.

Bagi bulan berkenaan, kebanyakan jawatan kosong yang diiklankan adalah dari industri kedai kopi dan restoran.

Manakala bagi bulan Ogos pula jumlah syarikat mengiklankan jawatan



PENOLONG Pesuruhjaya Buruh, Dayangku Siti Khatizah binti Pengiran Haji Bakar.

kosong bertambah jika dibandingkan dengan bulan Julai, iaitu sebanyak 27 buah syarikat dan mengiklankan sebanyak 294 jawatan kosong.

Pada bulan itu juga, terdapat beberapa industri yang jarang berurusan dengan APTK telah mengiklankan melalui portal online ini seperti industri komunikasi, insurans dan pembuatan.

APTK merupakan sebuah agensi kerajaan yang berperanan untuk mendaftarkan nama-nama pencari kerja tempatan dan menyalurkan

nama-nama pencari kerja tempatan yang berdaftar bagi sebarang kekosongan jawatan yang ditawarkan di sektor swasta dan kerajaan bergaji hari.

Agensi berkenaan juga melaksanakan Skim Latihan dan Pekerjaan dan mengendalikan kursus dan latihan, di samping menyertai dan melaksanakan pameran kerjaya serta menerima aduan dan memberikan kaunseling kepada pencari kerja tempatan khususnya yang berkaitan dengan Isu Perburuhan dan Perintah Pekerjaan 2009.



PENGUNJUNG Jerayawara APTK berpeluang mendapatkan maklumat mengenai perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi berkenaan.



JERAYAWARA Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja (APTK) juga memberi peluang kepada para pencari kerja untuk mendaftar dan seterusnya mengaktifkan akaun e-Darussalam.

PUISI

CINTA SIBER

Biarpun tanpa wajah dan suara
ia berjaya menemukan dua jiwa
persoalannya...
wujudkah keikhlasan di dalamnya?
atau ianya sekadar persinggahan
mengisi hati yang kesunyian
sejauh mana cinta itu masih
mampu bertahan
hanya takdir yang menentukan
oleh itu berhati-hatilah
dengannya jangan mudah
meletakkan sepenuh kepercayaan
kerana ada kalanya cinta siber
hanya mainan perasaan
yang hadir tanpa diundang
tiba waktunya bagaikan lelayang
yang putus talinya lalu berterbangan
di awangan tanpa arah tujuan
hingga akhirnya terputus tanpa ikatan.

ILUSI JIWA

Dalam ilusi malam
tiada bintang berani tampil
aku yang kian sendiri
bagai ranting yang kian jatuh ke bumi
tiada dahan yang menumpang
dedaun kerinduan yang kian gugur
debunga cinta yang kian layu
entah mengapa
adakah kemarau kemesraan
kembali tandus
atau hujan kecurangan melanda
namun yang pasti
pucuk kerinduan kembali sepi
kerana kepuraan kemarau dan hujan
namun apakah daya
rindu pada yang belum pasti
sayang pada yang tak setia
buah keriang tidak semanis dulu
yung tinggal hanyalah
kepahitan, kesedihan dan kekecewaan.

PENGHIJRAHAN MA'NAWI

Bila ku tatap wajahmu
bertudung litup begitu
ceria dan ayu
aku terpegun berbisik dihatiku
Ya Allah inilah hidayah dariMu
tidak terniat untuk emngimbas
masa nan lalu
ku tadahkan tangan mengucap
syukur pada ilahi
diharap dikau tabahkan ketakwaanMu
menjadi seri teladan penuh ma'nawi
Ya Allah Maha Pemurah dan Pengampun
insan kerdil boleh merancang
apa saja hakikatnya Allah yang
Maha Agung nikmat dan rahmatnya
tidak terkira dunia ini ibarat ladang
yang gersang taburkan benih
yang segar hijau merendang
disana nanti jadi sebaik-baik
bekalan jadilah insan solehah
menjana keimanan.

KEINSAFAN

Laungan azan
mengejutkan aku
pada suatu kelalaian
yang telah lama bersarang
mercemaskan sekujur tubuh
yang makin kering bagai
disambah teriknya
mentari
Dan secara tiba-tiba
lantaran kenanganku
berlari mengintai celahan
waktu damai tenang dan
sejuknya bersama seruan
memujimu
bangkitlah perasaan ini
yang telah jauh
memujamu semoga keinsafan
bertahta dihatiku selamanya.

ARMIMAHWATI YUSOF

PDB kongsi sama peranan Pengawasan Kejiranan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Oktober. - Unit Perhubungan Awam, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) telah mengadakan Ceramah Kesedaran Jenayah bagi Ahli Pengawasan Kejiranan bertempat di Dewan Serbaguna Pusat Latihan Polis.

Ceramah berkenaan bertujuan untuk memberikan kefahaman mengenai jenayah-jenayah yang berlaku pada masa ini dan berkongsi sama mengenai peranan ahli Pengawasan Kejiranan dalam membantu PDB mengurangkan kadar jenayah di kampung-kampung mereka.

Panel ceramah yang dijemput ialah pegawai dari Jabatan Siasatan Jenayah dan pegawai dari Daerah Polis Brunei Muara yang membawakan topik jenayah curi, rosak barang dan cedera serta jenayah yang melibatkan penderaan wanita dan kanak-kanak.

Pada akhir ceramah juga dikongsikan tips serta tatacara ahli Pengawasan Kejiranan dalam membuat pengecaman orang dan kenderaan serta cara-cara membuat laporan sama ada secara lisan dan bertulis. Peranan talian kecemasan 993 juga disentuh semasa ceramah itu.

Hadir semasa dalam ceramah tersebut ialah Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd.



Yusof bin Haji Dulamin, Ketua Kampung Mumong; Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, Ketua Kampung Lumut I dan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, Ketua Kampung Putat serta penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung dan Ahli-ahli Pengawasan Kejiranan di keempat-empat Daerah.

AHLI-AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, Ketua Kampung Mumong; Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, Ketua Kampung Lumut I dan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, Ketua Kampung Putat serta penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung dan Ahli-ahli Pengawasan Kejiranan di keempat-empat daerah semasa menghadiri Ceramah Kesedaran Jenayah bagi Ahli Pengawasan Kejiranan (atas dan bawah).



Penduduk Kampung Puduk awasi sekitar kampung

KAMPUNG PUDAK, Selasa, 20 Oktober. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) dan Pengawasan Kejiranan Kampung Puduk menjalankan rondaan pencegahan jenayah di kawasan darat dan jeti Kampung Puduk dan berhampiran kawasan kebakaran empat buah rumah yang berlaku petang itu.

Terdahulu itu, taklimat situasi jenayah diadakan di rumah Pemangku Ketua Kampung Puduk, Awang Shahri bin Durahim yang juga dihadiri oleh Pemangku Pengawai Penguasa Balai Polis, Inspektor Percubaan Mohd. Hazizul bin Haji Abd. Halim.

Rondaan berakhir pada pukul 10.30 malam tidak mendapati sebarang jenayah yang berlaku.



ANGGOTA Polis dan Ahli Pengawasan Kejiranan Kampung Puduk membuat rondaan.

Peta rujukan kawasan persisiran pantai diagihkan

Oleh : Hajah Norizan Mahal
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Oktober. - Jabatan Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah mengadakan penyerahan peta rujukan bagi kawasan persisiran pantai pada majlis yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyerahan 'Brunei Darussalam Coastal Sensitivity Map (BDCSM)' dan seterusnya menyerahkan peta

tersebut ialah Pengurus Besar Marine Services Petroleum Brunei, Awang Haji Salihin bin Haji Aspar.

Turut hadir ialah Pemangku Pengarah Perikanan yang juga selaku Pengerusi Majlis, Dayang Ranimah binti Haji Abdul Wahab, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai daripada agensi-agensi berkaitan.

Para penerima terdiri dari agensi-agensi yang terlibat secara

langsung dalam penyediaan peta tersebut, iaitu Jabatan Perikanan; Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Jabatan Ukur; Jabatan Laut; Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi; Jabatan Perhutanan; Syarikat Petroleum Kebangsaan Brunei Sdn. Bhd.; Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn. Bhd.; TOTAL E&P Borneo BV; Hengyi Industries Sdn. Bhd., dan Syarikat Methanol Brunei.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah dan Doa Selamat.

Matlamat utama projek adalah untuk menghasilkan peta rujukan bagi kawasan persisiran pantai di Negara Brunei Darussalam dan sebagai panduan bagi pihak pengurusan dan pembangunan kawasan persisiran pantai dan pasukan tindak balas tumpahan minyak.

'Environmental Coastal Sensitivity Map' memberikan gambaran strategik pelbagai aspek sumber pantai dan juga kawasan-kawasan sensitif alam sekitar yang terdapat di kawasan persisiran pantai.

Ia merupakan alat penting dalam usaha pelaksanaan, pemeliharaan dan perlindungan alam sekitar di negara ini.

Jabatan Perikanan dengan kerjasama Jabatan Tenaga di JPM telah melaksanakan projek pemetaan kawasan sensitif alam sekitar di persisiran pantai sejak tahun lalu dengan dukungan jabatan-jabatan

kerajaan yang berkenaan dan agensi-agensi pembangunan industri minyak dan gas.

Penghasilan peta menjadi tanda kejayaan dalam usaha kerjasama di antara agensi kerajaan dan swasta di peringkat kebangsaan ke arah

pengurusan dan perlindungan sumber marin yang mampan.

Pada majlis tersebut juga menyaksikan demonstrasi 'Coastal Sensitivity Map' oleh wakil dari Petroleum Brunei, Wan Firdaus Haji Hamidon.



PENGURUS Besar Marine Services Petroleum Brunei, Awang Haji Salihin bin Haji Aspar menyerahkan Brunei Darussalam Coastal Sensitivity Map (BDCSM) kepada ketua-ketua jabatan yang hadir (atas dan bawah).



UCAPAN alu-aluan disampaikan oleh Pemangku Pengarah Perikanan yang juga selaku Pengerusi Majlis, Dayang Ranimah binti Haji Abdul Wahab.



DEMONSTRASI dan taklimat ringkas BDCSM disampaikan oleh wakil dari Petroleum Brunei, Wan Firdaus bin Haji Hamidon.

MAKLUMAN

Pelaut dinasihati agar menjauhi dari zon kerja-kerja cerucuk

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Oktober. - Jabatan Laut ingin mengingatkan kepada pelaut-pelaut bahawa kerja-kerja cerucuk bagi Projek Jambatan Brunei-Muara Temburong sedang dijalankan pada 13 Oktober 2015 sehingga 31 Disember 2015 di CC2-1 : kira-kira 8.25 kilometer panjang jejambatnya di kawasan Terusan Brunei. CC2-2 : kira-kira 5.1 kilometer panjang jejambatnya di Terusan Timur, Tanjung Kerasik, Daerah Temburong. Ia akan menyebabkan pembatasan kepada keselamatan pelayaran.

Kerja-kerja tersebut akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan (Syarikat Daelim - Swee J.V. Sdn. Bhd.), Negara Brunei Darussalam dengan menggunakan kapal Tosung No.1 (Call Sign : Tosung No.1), Tosung Barge (Call Sign : Tosung Barge), Tosung Tug Boat (Call Sign : Tosung No.6).

Kerja-kerja tersebut adalah seperti pemasangan cerucuk sementara, ujian cerucuk, ujian statik beban cerucuk dan pemasangan cerucuk. Isyarat amaran yang disediakan ialah dengan menandakan boya-boya dan papan tanda terapung.

Sehubungan itu, pelaut-pelaut terutama kepada nelayan-nelayan tempatan agar tidak memasuki ataupun berlabuh di mana-mana lokasi serta di sekeliling perairannya bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku.

Pelaut-pelaut diperingatkan dan dikehendaki untuk menjauhi diri daripada zon kawasan kerja dan pelaut juga diperingatkan apabila berada di sekitar kawasan tapak kerja hendaklah mengekalkan langkah awas serta untuk lebih berhati-hati apabila berlayar di kawasan tersebut.

Pihak JKR, Kementerian Pembangunan (Syarikat Daelim - Swee J.V. Sdn. Bhd.), Negara Brunei Darussalam akan sentiasa memantau perjalanan operasi tersebut. Peta laut yang terlibat ialah BA 2134.

Peringatan bagi pelaut mengenai kerja pengorekan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Oktober. - Jabatan Laut ingin mengingatkan kepada pelaut-pelaut bahawa kerja-kerja haluan pengorekan sedang dijalankan pada 13 Oktober 2015 hingga 31 Disember 2015 dari Simpang 720, Jalan Kota Batu ke kawasan Temburong (14 Kilometer).

Kerja-kerja tersebut akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan (Syarikat Daelim - Swee J.V. Sdn. Bhd.), Negara Brunei Darussalam dengan menggunakan kapal Dredging Barge-1 (Call Sign : CS Dredger-1), Dredging Barge-2 (Call Sign : CS Dredger-2), Watermaster (Call Sign : Watermaster), Pontoon Barge (Call Sign : Pontoon Barge), Tosung No. 1 (Call Sign : Tosung No. 1), Tosung No. 6 (Call Sign : Tosung No. 6), yang mana ia akan menyebabkan pembatasan kepada keselamatan pelayaran.

Kerja-kerja tersebut adalah seperti pemasangan silt curtain, pemasangan paip, pengorekan dan urusan pembuangan sisa pengorekan.

Kawasan berbahaya adalah seperti yang ditunjukkan kepada lokasi yang terjejas dan kawasan pengorekan hanya mempunyai kedalaman 3.0 meter. Isyarat amaran yang disediakan ialah pemasangan boya-boya dan papan tanda terapung.

Sehubungan itu, pelaut-pelaut terutamanya kepada para nelayan tempatan agar tidak memasuki, berlabuh atau mendarat di mana-mana lokasi tersebut sama ada di perairan ataupun di daratan bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku.

Pelaut-pelaut juga diperingatkan dan dikehendaki untuk menjauhi diri dari zon kawasan kerja dan dinasihatkan untuk lebih berhati-hati apabila berlayar di kawasan tersebut.

Pihak JKR, Kementerian Pembangunan (Syarikat Daelim - Swee J.V. Sdn. Bhd.) akan sentiasa memantau perjalanan operasi tersebut. Peta yang terlibat ialah : BA 2134.

Operasi bersama gagal kesan jenayah



BALAI Polis Bangar dan Pejabat Daerah Polis Temburong serta Pengawasan Kejiranan Kampung Menengah, Kampung Sungai Tanit, Kampung Sungai Suluk dan Kampung Sungai Tanam pada sesi bergambar ramai.

TEMBURONG. - Balai Polis Bangar dan Pejabat Daerah Polis Temburong serta Pengawasan Kejiranan Kampung Menengah, Kampung Sungai Tanit, Kampung Sungai Suluk dan Kampung

Sungai Tanam gagal mengesan sebarang kejadian jenayah dalam operasi cegah jenayah yang diadakan pada 17 Oktober lalu.

Menurut Siaran Akhbar Pasukan

Polis Diraja Brunei (PDB), aktiviti peroperasian yang dijalankan selepas sesi dialog menyaksikan gandingan Ahli-ahli Pengawasan Kejiranan dengan pihak polis melaksanakan

rondaan di lokasi-lokasi tertentu dalam usaha memastikan tiada perlakuan dan kegiatan jenayah berlaku di persekitaran kejiranan di kampung-kampung berkenaan.

Rondaan berjalan kaki dimulakan di kawasan jalan Kampung Sungai Tanit hingga ke Kampung Menengah dan rondaan menggunakan kenderaan pula menasarkan persekitaran kawasan jalan-jalan di Kampung Sungai Suluk, Kampung Parit Belayang, kawasan penurunan perahu Kampung Parit Belayang, Kampung Belayang, Kampung Sungai Tanam dan Kampung Sungai Tanit.

Selain membuat rondaan, sekatan jalan raya yang melibatkan tindakan 'tahan dan periksa' (Stop and Search) juga digiatkan di kedua-dua lokasi berasingan di kawasan jalan Kampung Menengah dan di persimpangan jalan Kampung Belayang dan jalan Kampung Parit Belayang.

Operasi malam tersebut melibatkan peringkat pegawai dan anggota dari Balai Polis Bangar dan Ibu Pejabat Daerah Polis Temburong yang diketuai oleh Pegawai Pemerintah Daerah Polis

Temburong (Officer Commanding Temburong Polis District) Penguasa Polis Haji Muhammad Azrie bin Haji Talip.

Hadir sama ialah Penghulu Mukim Bangar, Awang Haji Abdul Rahman bin Merusin, selaku Penasihat Pengawasan Kejiranan berkenaan, Pengerusi Pengawasan Kejiranan Mejar (B) Ampuan Hussain bin Ampuan Mattahir @ Awang yang merupakan Ketua Kampung Menengah, memulakan acara dengan terlebih dahulu berdialog mengenai beberapa perkara berkaitan perkembangan dan aktiviti Pengawasan Kejiranan di bawah jagannya.

Selain dari itu beberapa cadangan dan perancangan juga disuarakan dalam perihal keselamatan yang menjadi perhatian penduduk dan anak-anak buah kampung.

Perjumpaan itu juga memberi kesempatan dalam berkongsi pandangan dan menjawab serta menjelaskan persoalan-persoalan yang diajukan oleh jemputan yang hadir.



ANGGOTA Polis Bangar dan Pejabat Daerah Polis Temburong serta Pengawasan Kejiranan Kampung Menengah, Kampung Sungai Tanit, Kampung Sungai Suluk dan Kampung Sungai Tanam ketika membuat Operasi Cegah Jenayah.



JIPK teruskan operasi jejak pesalah imigresen



PEGAWAI yang bertugas mendapati seorang lelaki warganegara asing berjaja kain, minyak harum dan kain selimut.

DAERAH BRUNEI DAN MUARA. - Atas maklumat yang terkumpul dan aduan daripada orang ramai, sepasukan pegawai dari Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (BPGN JIPK) telah melaksanakan serbuan mengejut ke atas bilik-bilik sewa yang dikenal pasti terdapat pesalah-pesalah imigresen ke atas dua sasaran bersaing iaitu rumah dan bilik-bilik sewa di Mukim Kilanas.

Dalam serbuan Ops CEKUP JIPK 71/2015 yang berasingan pada pukul 4.30 petang pada 19 Oktober 2015 lalu,

enam orang warganegara asing termasuk lima orang perempuan asing telah pun ditahan kerana gagal menunjukkan sebarang dokumen yang mengandungi pas imigresen yang masih sah.

Di rumah dan bilik sewa pertama, pegawai bertugas mendapati tiga orang perempuan warganegara asing sedang duduk berkumpul bersama penghuni yang lain, ketiga-tiganya gagal menunjukkan sebarang dokumen yang mengandungi pas imigresen yang masih sah.

Manakala di rumah sewa kedua, tiga

Berita dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

orang warga asing, dua di antaranya adalah perempuan di bilik yang berasingan juga gagal menunjukkan sebarang dokumen yang mengandungi pas imigresen yang masih sah.

Salah seorang perempuan terbabit didapati memiliki pas imigresen yang telah mansuh selama 510 hari. Semua mereka dibawa dan ditahan sementara di Balai Polis Bandar Seri Begawan bagi siasatan lanjut.

Empat keping pas khas dikeluarkan ke atas warganegara asing tersebut sementara pasport mereka ditahan bagi siasatan dan tapisan lanjut.

Sementara itu dalam serbuan yang dikendalikan pada di Mukim Pengkalan Batu pada 20 Oktober 2015, pegawai dari BPGN JIPK dalam serbuan yang dikendalikan kira-kira pukul 3.00 petang mendapati

